Syair Tantangan Singapura

Abad Kesembilan Belas

Syair Tantangan Singapura

Abad Kesembilan Belas

Diselenggarakan oleh
Muhammad Haji Salleh

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

KK 890-76984 5101

Cetakan Pertama 1994
© Muhammad Haji Salleh 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Syair tantangan Singapura abad kesembilan belas /
diselenggarakan oleh Muhammad Haji Salleh.
ISBN 983-62-4266-X
1. Syair dagang berjual beli–Criticism, Textual.
2. Syair potong gaji–Criticism, Textual.
3. Syair Tenku Perabu di negeri Singapura adanya–Criticism, Textual. 4. Historical poetry, Malay–19th century–History and criticism.
I. Muhammad Haji Salleh.
899.2311080358

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: New Baskerville-Roman
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
RM35.00

M
899.2311080358
SYA

M
1161233

06 NOV 2004
Perpustakaan Negara Malaysia

Kandungan

Pendahuluan vii

BAHAGIAN SATU

Dua Orang Pengarang, Tiga Suara Gelap dan Suatu Subgenre 3

BAHAGIAN DUA (TEKS RUMI)

Syair Dagang Berjual Beli Dikarang oleh Tuan Simi di Negeri Singapura 39

Ini Syair Potong Gaji Dikarang oleh Tu(a)n Simi 49

Ini Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya 55

BAHAGIAN TIGA (TEKS JAWI)

Syair Dagang Berjual Beli Dikarang oleh Tuan Simi di Negeri Singapura 83

Ini Syair Potong Gaji Dikarang oleh Tu(a)n Simi 93

Ini Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura Adanya 99

Nota 123

Glosari 127

Pendahuluan

PADA tahun 1986, sewaktu saya menjalankan penyelidikan etnopuitika Melayu di perpustakaan-perpustakaan dan di universiti-universiti Eropah, saya berpeluang merujuk beberapa buah manuskrip tua dan menarik di Perpustakaan Kebangsaan Perancis, di Paris. Paris ialah pusat manuskrip yang cukup penting, setelah Leiden dan London. Antara koleksi yang tersimpan di perpustakaan ini termasuklah berpuluh-puluh buah syair yang hampir tidak pernah dikesan. Dan antara syair ini terdapat sekumpulan tiga buah syair yang langka – malah merupakan naskhah yang tunggal di dunia. Syair-syair tersebut ialah "Syair Dagang Berjual Beli", "Syair Potong Gaji", dan "Syair Tenku Perabu".

Naskhah yang tunggal adalah luar daripada biasa dalam suatu tradisi yang banyak menyalin dan menyebarkan salinannya. Dalam konteks pengajian naskhah, manuskrip ini tidak ternilai harganya kerana keunikannya dalam suatu tradisi yang besar lagi pelbagai. Dan seorang pengkaji sastera Melayu lama sering diruntun oleh keinginan untuk mencari judul baru dan langka, dan yang belum dikaji pula.

Setelah membaca ketiga-tiga buah syair tersebut, saya juga merasakan bahawa yang saya kaji ini ialah contoh-contoh puisi tantangan paruh pertama kurun kesembilan belas. Dan seperti kita maklum, puisi atau prosa protes yang langsung kritikannya, selain karya Abdullah Munsyi, belum

pernah kita tatapi dalam tradisi kita yang lebih ingin mencari titik harmoni antara manusia daripada perselisihan, betapa pun besar perbalahannya. Dan lebih daripada itu karya ini datangnya, kemungkinan besar, daripada pena orang Melayu yang sedang dihimpit oleh Kompeni British dan kedatangan kaum Cina dan kaum India di Singapura pada awal zaman kolonial.

Sebagai karya sastera syair-syair ini amat penting, terutama dalam genre tantangannya yang langka itu. Sama menarik pula ialah unsur protes ekonomi yang juga belum pernah kita bacanya. Sastera Melayu hampir keseluruhannya berlegar dalam lingkungan nilai, moral dan etika, dan jarang-jarang sekali menyeberang ke sudut ekonomi – yang di Singapura, pada waktu itu, sudah memasuki ekonomi wang tunai, suatu hal yang agak baru dan pasti mengelirukan, dengan berbagai-bagai bangsa berniaga dengan caranya yang khusus pula.

Oleh sebab pedagang-pedagang Melayu, dan Bugis amat tersepit antara cara perniagaan yang agresif, dan penuh tipu helah maka syair-syair ini muncul sebagai jeritan mangsa, yang tidak menerima keadaan begitu sahaja, tetapi sekurang-kurangnya ingin melepaskan geram dan derita kekecewaan menerusi sastera sebagai terapi dan juga nasihat untuk mereka yang akan menceburkan diri dalam dunia perniagaan.

Ternyata karya-karya yang kita kaji ini ialah puisi gelap, dan sepanjang pengetahuan saya belum pernah dicetak. Dan isinya yang menentang British, raja, istana dan penipuan pedagang, tidak memudahkannya diterbitkan. Tambahan pula tradisi *chirographic* masih utuh sedangkan teknologi percetakan baru sahaja memasuki Singapura dan penggunaannya belum meluas benar.

Naskhah-naskhah syair ini amat penting dalam kajian sastera, bukan sahaja sebagai contoh puisi protes yang dapat dikatakan bersifat moden, malahan juga memperlihatkan bagaimana bentuk syair menampung keperluan

tema ekonomi. Sebagai pengisah, bentuk syair sudah terkenal, tetapi sebagai alat protes ekonomi inilah antara satu-satu contohnya.

Puisi-puisi ini juga menjadi cermin perasaan penduduk Melayu Singapura dalam dasawarsa awal Singapura sebagai tanah jajahan Inggeris. Trauma kebangsaan dapat kita baca dengan jelas di antara baris-barisnya. Orang Melayu merasakan bahawa bukan sahaja mereka ditipu oleh Inggeris dan pedagang Cina, malahan juga dimalukan oleh raja mereka, yang seharusnya berdiri di hadapan mereka dalam usaha tantangan ini.

Karya gelap tidak melalui saringan rasmi, ataupun saringan peribadi. Dalam karya demikian perasaan marah, kecewa, jengkel, derita, malu dan terhina semuanya berbauran di antara baris-barisnya. Tapi, seperti yang saya sebutkan sebelum ini, kata-kata ini ialah jeritan manusia yang sudah dirampas kebebasan, keutamaan dan kehidupan mereka sebagai bangsa yang penting.

Dari sudut pandangan kita hari ini, 152 tahun setelah berlakunya peristiwa-peristiwa ini, banyak yang kita rasa janggal dan malah berbau perkauman. Ejekan yang dilontarkan tidak dikhususkan kepada manusia perseorangan (sahaja) tetapi dipindahkan kepada bangsanya. Hal ini tidak dapat kita persetujui hari ini. Tetapi sebagai pengkaji kita dapat menerima karya-karya ini sebagai bukti cara berfikir pada paruh pertama kurun kesembilan belas dalam hal hubungan perdagangan dan istana, dan secara akademik kita dapat menggunakannya sebagai pelengkap untuk gambaran yang dilukiskan oleh Inggeris atau Abdullah Munsyi yang menyebelahi pemerintah kolonial. Sejarah kita akan lebih berimbang dan saksama dengan cebis-cebisan maklumat dan perasaan yang dapat kita nukilkan daripada syair-syair ini.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa karya-karya ini terlalu berharga sebagai maklumat pejal dalam kajian sastera dan sejarah untuk diabaikan oleh sebab terdapat beberapa

unsur perkauman dalam baris-barisnya yang menjadi sensitif pada hari ini. Sebagai pembaca moden kita dapat menempatkan sejarah pada tempatnya dan sastera juga pada ruangnya.

Tetapi kita harus juga tidak lupa bahawa bukan sahaja pedagang Cina, India, dan Abdul Kadir, yang dikritik, malahan juga raja Melayu, isteri kepada raja, 'Melayu-Melayu Bugis-Bugis bodoh penakut', haji dan imam yang mempergunakan kedudukan agamanya. Jadi walaupun imbangannya tidak seluruhnya sempurna namun yang kita baca ini ialah pandangan luas seorang pengkritik terhadap kehidupan yang berpentas di depannya. Kritikannya ditujukan kepada pelbagai watak yang datangnya daripada pelbagai lapisan dan bangsa.

Semua yang diceritakan ini sudah berlaku satu setengah abad yang lalu, menjadi sebahagian daripada sejarah kita. Pendapat pengarangnya bukanlah pendapat saya, seperti juga pendapat-pendapat dalam puisi Baha Zain yang saya kaji belum tentu selari dengan pendapat saya. Dan untuk sastera dunia, pendapat dan perasaan itu cukup luas, dan tidak dapat ditentukan dari luar daerahnya.

Dalam mukadimah ini saya juga ingin menjelaskan bahawa saya bukanlah seorang ahli filologi dan ingin menyerahkan persoalan-persoalan filologi kepada ahli-ahlinya. Saya lebih terbiasa dengan kajian yang melihat bentuk dan pembawaan karya, mencari ibarat dan kiasan daripada gumpalan metafora. Seterusnya perkembangan genre, penyesuaian bentuk menjadi hal-hal yang mencabar pula. Akhir sekali saya melihat bakat yang membayang di belakang permukaan bahasa dan rentak. Dan bakat Tuan Simi dan penyair anonim "Syair Tenku Perabu di Singapura", cukup besar kerana puisi mereka luwes dan cukup mementingkan unsur sastera yang harus dipentingkan. Hal-hal inilah yang akan saya telitikan.

Kerja-kerja awal mentranskripsikan syair-syair ini telah dimulakan oleh Sdr. Zainab Ismail pada tahun 1986. Setelah itu saya telah menyemak, membetulkan, menyelaras dan

merapikannya beberapa kali dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Manuskrip Timur, Perpustakaan Negara Perancis, Paris, kerana telah membenarkan saya menggunakan teks syair-syair ini dan seterusnya menerbitkannya.

Seterusnya saya bertuah mendapat Sdr. Mohamad Yussop Ishak sebagai editor. Kerja beliau yang teliti dan dilaksanakan dengan dedikasi dan wajah yang cerah telah melancarkan lagi penyusunan buku ini.

Muhammad Haji Salleh
Leiden
1993

Bahagian

Satu

Dua Orang Pengarang, Tiga Suara Gelap dan Suatu Subgenre

PADA tahun 1250 Hijrah, bersamaan 1835 Masihi, iaitu dua puluh enam tahun setelah Raffles dan Farquhar mendapat tanah untuk dijadikan tapak pelabuhan di Pulau Singapura, seorang jurutulis Melayu telah menyalin kembali tiga buah syair yang menyentuh masalah orang-orang Melayu di pulau itu. Menerusi syair-syair tersebut, orang-orang Melayu digambarkan sedang menyesuaikan diri dengan pendudukan Inggeris, kedatangan pekerja-pekerja Cina dan India, juga pentadbiran dan cara hidup kota yang baru. Dua buah syair pertama yang disalin oleh jurutulis Melayu itu merupakan hasil karangan Tuan Simi (S.i.m.i.), dan untuk yang ketiga tidak diturunkan nama pengarangnya. Syair-syair tersebut telah disalin kembali di Teluk Kurau dan judulnya adalah seperti yang berikut:

i. "Syair Dagang Berjual Beli"
ii. "Syair Potong Gaji"
iii. "Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura"

Syair-syair ini ialah khazanah suatu genre puisi protes pramoden yang amat langka dan untuk zaman penaklukan ini, inilah sahaja yang kita temui. Syair-syair "gelap" ini ditulis sebagai perakuan pergolakan jiwa orang Melayu yang mula tergeser dengan kuasa pemerintahan British

di Singapura. Dalam baris-barisnya kita temui kepekaan terhadap sengsara individu dan juga keraguan bangsa itu sendiri.

Latar Singapura

Zaman kedatangan dan pemantapan pemerintahan Kompeni Hindia Timur Inggeris atau yang lebih terkenal sebagai Syarikat Hindia Timur, ialah zaman peralihan yang amat traumatik kepada seluruh penduduk Melayu Singapura. Masyarakat dan penduduk Melayu Singapura pada ketika itu sudah terbiasa dengan suatu sistem hierarki pemerintahan yang menempatkan temenggung di puncaknya, manakala orang-orang istana atau bangsawan pula mendapat keistimewaan yang luar biasa di sisi istana dan juga masyarakat. Penggantian kuasa istana kepada sistem pemerintahan British telah melontarkan mereka kepada suatu sistem nilai dan sistem pemerintahan yang amat berlainan dengan tradisi hidup serta adat istiadat pegangan mereka.

Kehadiran orang-orang Cina dan India bukanlah suatu pengalaman baru kepada masyarakat Melayu ketika itu. Hal ini dapat diterima dengan wajar kerana masyarakat Melayu pernah berinteraksi dan menerima kehadiran mereka di seluruh Nusantara ini. Bagaimanapun kedatangan pedagang-pedagang Inggeris yang ingin memajukan perdagangan mereka dan meraih keuntungan yang maksimum mungkin telah menyebabkan pihak Kompeni Hindia Timur Inggeris mengamalkan dasar membuka pintu yang lebih besar untuk menerima kemasukan para pedagang dan pekerja dari China dan India. Dasar-dasar pemerintahan British tersebut dengan sendirinya telah membataskan kuasa dan undang-undang yang diterajui oleh temenggung Melayu dewasa itu. Dengan yang demikian, semua masalah pemerintahan di Singapura perlu disalurkan melalui nilaian dan keputusan Kompeni Inggeris ini.

Crawfurd (1971:400) melakarkan perkembangan penduduk di Singapura pada tahun-tahun awal ini sebagai yang berikut:

In 1826, or seven years after the British occupying Singapore, the population of the island, in round members, had already amounted to 13 000. In 1850, it has risen to nearly 60 000 of which 26 000 were in town. Then ingredients of its population were very heterogeneous, and composed of no fewer than fifteen nationalities. The most numerous party were the Chinese, forming fifty-three parts out of a hundred, or better than half of the whole. Then followed the Malays, or proper natives of the country, forming twenty-three parts, or less than a fourth; natives of the continent of India, chiefly of Bengal and the Coromandel coasts, forming fourteen parts, natives of Celebes four parts, and Javanese three parts ... the European themselves, the rulers (amounted) only to 360.

Seluruh masyarakat Singapura sudah disusun kembali. Orang-orang Melayu hanya menjadi kelompok minoriti yang tidak pun berjumlah seperempat penduduk negeri itu. Pada waktu-waktu sebelum kedatangan Inggeris, hampir seluruh penduduk Singapura terdiri daripada bangsa Melayu. Sewaktu syair-syair Tuan Simi ditulis mungkin jumlah penduduk Singapura sudah berada antara 45 000 – 50 000 orang, dan pendatang-pendatang baru, terutama orang Cina sedang mendarat dengan pesatnya.

Tentang hubungan dengan Singapura, Crawfurd menyambung:

The commercial intercourse of Singapore carried on with most of the European ports carrying on a distant foreign trade; with the parts of Continental Asia, from the Red almost to the Yellow Sea, including of Arabia, Persia, Hindustan, Siam, Cochin-China, and several of China; with all the ports of the Malay Archipelago, from Sumatra to New Guinea; with the capital of the Philippines.

Yang juga amat menyentuh penduduk Melayu ialah undang-undang Inggeris yang digubalkan untuk Singapura:

The laws are those of England, modified, in so far as concerns the native inhabitants, by an attention to the respective laws of inheritance and domestic uses. They are administrated by the court of a recorder.

Singapura sudah mula menjadi penting sebagai pelabuhan perdagangan yang luas jaringan perniagaannya. Hasil tanah dan tenaga kerja penduduk kepulauan Melayu dibeli, manakala barang-barang dari daerah lainnya dijual. Barang-barang itu termasuklah barangan yang diimport dari China, India, Eropah dan Timur Tengah.

Walaupun cukup ramai buruh Cina dan India yang tiba di Singapura, tetapi mengikut Tuan Simi dalam "Syair Dagang Berjual Beli", barang-barang yang didagangkan itu sebenarnya ialah milik Inggeris. Sementara itu orang-orang Cina dan India hanya menjadi pekerja atau orang tengah kepada pedagang-pedagang Inggeris tersebut. Walaupun jumlahnya kecil tetapi ternyata orang-orang Melayu dan Bugis di Singapura serta dari kepulauan Melayu yang lain turut melibatkan diri dalam dunia perdagangan. Mereka bertindak sebagai pembekal atau pembeli barang-barang di Kepulauan Nusantara ini. Merekalah yang menjadi watak penting dalam syair Tuan Simi ini.

Pada tahun 1841, ketiga-tiga buah teks syair ini telah disatukan kembali. Kemungkinan besar karya-karya ini sudah pun siap dan diedarkan kepada masyarakat pembaca beberapa tahun sebelum itu, yakni dalam tahun-tahun 1830-an ataupun sedikit sebelum itu. Oleh yang demikian kita juga harus menjajar Tuan Simi dan penulis "Syair Tenku Perabu" sebagai kontemporari Abdullah Munsyi yang pada tahun 1835 sedang menterjemah *Panca Tanderan*. Berikutnya dalam tahun 1837, Abdullah Munsyi mengerjakan pula *Kisah Pelayaran Abdullah*. Draf pertama *Hikayat Abdullah* selesai ditulis dalam tahun 1843. Cerita yang menjadi plot naratif "Syair Tuanku Perabu" yang berlegar di sekeliling Abdul Kadir Ahmad Sahib (lebih dikenali sebagai "Tambi" dalam karya ini) juga menjadi tajuk penting di dalam *Hikayat Abdullah*. Di sebuah pulau yang kecil dan tidak banyak pula yang pandai menulis, mungkin benar Tuan Simi dan Abdullah Munsyi saling mengenali antara satu sama lain. Namun begitu, pandangan hidup dan ideo-

logi mereka amatlah berlainan, malah bertentangan, dan semua ini terjalin dalam karya masing-masing.

Teks dari Paris

Sebenarnya ketiga-tiga buah syair gelap yang sedang kita bicarakan ini masih disimpan di Perpustakaan Negara Perancis, Paris (Mal. Pol. 91) dan dianggap sebagai suatu teks. Malah D. Voorhoeve (1973:58) hanya melihat syair pertamanya, "Syair Dagang Berjual Beli", tanpa menemui kedua-dua buah syair selebihnya. Di samping syair ini terdapat sebuah terjemahan prosais dalam bahasa Inggeris untuk syair pertama dan suatu cubaan untuk menterjemahkan syair yang ketiga. Walaupun syair-syair ini diedarkan secara gelap dan sulit kerana sasarannya ialah orang Inggeris, Temenggung dan isterinya, tetapi ternyata teks-teks ini sudah sampai ke tangan Inggeris dan telah diterjemahkan untuk keperluan mereka. Besar kemungkinannya pemilik dan penyimpan teks yang sampai ke Perancis ini ialah seorang Inggeris. Andaian ini didasarkan pada terjemahan Inggerisnya yang dicantumkan ke dalam naskhah itu.

Syair kedua dan ketiga ditulis oleh penyalin yang sama, yang nampaknya berlainan daripada penyalin untuk syair pertama. Namun begitu, syair pertama dan kedua khusus disebut sebagai dikarang oleh Tuan Simi. Manakala untuk syair ketiga tidak dicantumkan nama pengarangnya. Bentuk syair ketiga ini agak berlainan daripada syair pertama dan kedua kerana sifat naratifnya. Karya pertama dan kedua lebih langsung dan lebih bersifat pernyataan. Gayanya lebih berterus terang dan kurang berhalus-halus atau menyeludupkan unsur-unsur yang kurang menyenangkan ke dalam metafora atau kiasan. Dialognya juga ingin menyalin kenyataan harian di Singapura. Penyair seolah-olah didesak oleh kesegeraan keadaan untuk menyampaikannya secepat mungkin. Namun begitu, mutu karyanya cukup tinggi, terutama sebagai karya protes yang mempunyai nilai-nilai yang agak berlainan daripada bentuk karya sastera lainnya.

Pengarang

Untuk tujuan perbincangan ini, kajian kita akan didasarkan pada teks asal karya yang tersimpan di Perpustakaan Negara Perancis, Paris (Mal. Pol. 91). Syair pertama dan kedua, iaitu "Syair Dagang Berjual Beli", dan "Syair Potong Gaji", jelas pengarangnya, iaitu Tuan Simi, seperti yang saya sebutkan sebelum ini. Tetapi penyalin syair ketiga tidak menurunkan nama pengarangnya – kemungkinan besar beliau juga tidak mengetahui siapa pengarangnya. Syair pertama menyebut Tuan Simi (توان سيمي) sebagai pengarang dan syair kedua pula nama ini ditulis sebagai توڽ سيمي Transkripsi dan terjemahan Inggeris bagi nama ini muncul sebagai Tuan Seami (dalam bahasa Inggeris bunyi *Sim* itu pernah ditulis sebagai *Seam*). Kita dapat anggapkan bahawa "Seami" disebut dengan bunyi Simi dan sebagai kesimpulan nama pengarangnya ialah Tuan Simi, bukan Tuan Siami.

Suatu hal yang menarik ialah dunia kedua-dua buah syair ini mencakupi bidang kehidupan ekonomi dan buruh di Singapura pada zaman setelah masuknya Syarikat Hindia Timur Inggeris antara 1819 – 1840 Masihi.

Cukup jelas juga bahawa Tuan Simi kenal dekat akan dunia pedagang ini, terutama yang melibatkan para peniaga Melayu-Bugis dan Cina. Beliau juga akrab dengan pekerja-pekerja atau sekurang-kurangnya masalah pekerja-pekerja yang digaji oleh Kompeni Inggeris di kapal atau pelabuhan. Daripada baris-baris syair ini terjelma maklumat tentang tipu helah perdagangan pada waktu itu dan juga sikap antara bangsa Melayu dan kaum-kaum lain yang cukup keras. Sikap ini mungkin dapat dianggap sebagai mekanisme *survival* pedagang Melayu apabila berhadapan dengan gaya perniagaan orang Cina atau Inggeris yang lebih bersifat agresif.

Tuan Simi juga mengenali rahsia perniagaan dan teknik psikologi orang Cina. Segala tingkah laku dan tindakan orang-orang Cina seolah-olah telah mendapat persetujuan daripada tuan-tuan mereka, yakni para pedagang dan pegawai pentadbiran Inggeris. Selain kesedaran tentang bentuk

dan perjalanan sistem keadilan, unsur antikolonialisme juga turut dilibatkan sebagai tema sampingan syair-syair ini. Hakikat bahawa pedagang-pedagang Melayu-Bugis ditipu oleh Inggeris melalui perantara orang Cina jelas dilaporkan. Dalam "Syair Potong Gaji", perhatian kita dipusatkan kepada akibat kekejaman Kompeni Inggeris terhadap pekerja-pekerjanya. Para pekerja tersebut dipaksa menggandakan kerja mereka sedangkan upahnya tidak setimpal dengan tenaga yang dicurahkan. Sehubungan dengan ini, jelaslah bahawa yang menjadi sumber kepada segala persoalan syair ini ialah kepekaan penyair terhadap perjuangan untuk menegakkan hak keadilan bagi para pekerja, yang juga membayangkan sentimen anti-Inggeris.

Pengarang juga menjelma di hadapan kita sebagai seorang yang bukan sahaja mengetahui sistem ekonomi yang tidak adil pada masa itu tetapi juga ingin menjaga peranan bangsanya dalam perspektif yang lebih luas. Dia juga dapat melihat bahawa seluruh sistem nilai dan budaya dunia Melayu telah pun diterbalikkan. Justeru penyair mengatakan:

> sekarang saudagar memerintah negeri
> tandanya dunia sudahlah akhiri.

dan di bait lapan, katanya lagi:

> Terbaliklah sudah ujan ke langit
> adat dan perintah sekalian tersepit.

Trauma bangsa ini diberikan wadah metafora peribahasa Melayu yang stabil dan amat peka kepada sejarah manusia dan susunan hierarki serta dasar masyarakatnya.

Dengan kepekaan dan pengetahuannya tentang sistem-sistem Melayu serta Inggeris, tentang sejarah dan kelangsungan bangsa, pengarang tentu sahaja menjadi ahli kepada suatu elit kecil yang didesak oleh keadaan dan pengetahuannya. Sebagai penulis beliau harus menulis tentang "kebenaran" bagi pihak pembacanya, pekerja yang dimangsakan, dan masyarakat yang ingin melihat keadilan

dilaksanakan. Karyanya bersifat *engage* atau terlibat. Kata-kata Tuan Simi pada bahagian awal syair itu adalah sebagai pernyataan sikapnya terhadap kenyataan:

> Inilah ditulis dijadikan khabar
> hati yang dendam tidak tersabar
> bukannya dibuat-buat kata-kata ditukar
> terus terang seperti tikar terhampar.

Ceritanya diakui pengarang sebagai bukan hasil daripada rekaannya, dialognya pun tidak diubah. Dan seperti gulung tikar yang terhampar segalanya dapat dilihat dan tiada terlindung rahsia yang ada padanya. Penyair mendakwa bahawa yang ditulisnya ialah yang benar dan kebenaran itu dilahirkan kerana didesak oleh hati "yang dendam tidak tersabar", dan oleh itu datang daripada hangat pengalaman.

Rasa keadilan Tuan Simi dan juga pengarang "Syair Tenku Perabu" cukup halus dan berimbang, terutama apabila mereka baru muncul daripada masyarakat feudal dan menentang cara orang-orang Cina yang berdagang di negerinya. Tetapi kedua-dua pengarang ini berasa bertanggungjawab dan berhak melihat keadilan ditegakkan di negeri itu. Oleh yang demikian mereka berasa perlu untuk menceritakan keadaan yang sebenar sebagai amaran kepada pedagang-pedagang Melayu lainnya supaya tidak terjerumus ke dalam jaringan tipu helah perniagaan Kompeni Inggeris. Kata pengarang seterusnya, "hendaklah encik-encik dan tuan-tuan,/ memikirkan diri jangan jemuan,/ kerana adat di dalam sekarang,/ banyak yang terkena bukannya seorang."

Perlu kita sebutkan di sini bahawa Tuan Simi bukan sahaja memerikan taktik perniagaan orang-orang Cina malahan melihat senario yang lebih luas dan oleh itu lebih menyakitkan:

> Imam pun khabarnya mengambil upah
> pada yang bercerai kahwin dan nikah

hukum yang senang menjadi payah
jalan yang benar pun boleh disalah.

Apabila sudah mendapat suab
sebarang syoal boleh dijawab
Quran dan fiqh duduk diadap
begitu begini mencarikan sebab.

Haji-haji pun banyak berjual beli
menipu bersumpah berani sekali
bicara berdakwa tidak yang khali
berulang ke polis beberapa kali.

Kesimpulan yang diperoleh daripada pentas hidup Singapura ini ialah bahawa keuntungan diri dan wanglah yang mengheret watak-wataknya ke lembah hina, dan hal ini bukan sahaja berlaku pada orang-orang Cina malahan pada semua bangsa di dalamnya termasuk bangsa Melayu dan Bugis, yang mula menyimpang daripada norma dan nilai yang sah dan halal.

Pengarang "Syair Tenku Perabu" pula mungkin berasal daripada kalangan istana. Perasaan dasar syair ini bukan sahaja amat ghairah dari sudut keterlibatan istana dan Melayunya, malahan juga dari sudut kekeluargaan. Dialog watak Raja Khatijah dan Mak Buruk jelas memberikan gambaran realistik dan seperti berakar pada kenyataan. Kata-kata yang digunakan diturunkan ke peringkat bahasa perbualan tanpa disaring oleh keinginan untuk menghaluskannya. Seperti kebanyakan orang Melayu, penyair tidak menyerang "Sultan" secara langsung, walaupun kita harus berkesimpulan bahawa kesemua syairnya membidas kelemahan, kelalaian serta kesempitan pandangan "Sultan" sendiri. Hubungan cinta isteri "Sultan" dengan Abdul Kadir bukan sahaja melanggar ketertiban diraja tetapi mengaibkan seluruh istana dan rakyat Singapura.

Syair ini padat dengan perasaan, jauh lebih ghairah daripada dua buah karya sebelum ini. Nadanya tegang, ditulis di tengah-tengah bahang api kemarahan bangsawan

dan rakyat yang terdekat dan terlibat. Pengarang membentang ceritanya, dengan kata-kata berat:

> Bagaimanalah sekalian hati tak sendu
> uri yang jati menjadi habu.

Sekali lagi cita rasa, rangka keadilan dan adat Melayu dirujuk sebagai dasar untuk menilai perlakuan watak-wataknya. Peristiwa-peristiwa ini dibandingkan pula dengan apa yang berlaku pada ketika itu. Dan dalam perbandingan ini pembaca atau pendengar berkesimpulan bahawa dunia lama dan nilai yang baik sudah diruntuhkan. Pengarang melihat dirinya sebagai kritikawan sosial. Dia memeri, menilai dan menyimpul:

> Demikianlah yang sudah lakunya syahdan
> yang salah selalu dijadikan teladan
> raja-raja dan menteri mabuk dan edan
> yang tidak berpatut dijadikan padan.

Dalam puisi protes ini pengarang ialah orang penting masyarakat, penjaga nilai, penghukum pesalah dan penunjuk kepada nilai-nilai yang menegakkan masyarakat dan hak yang perlu dituntut dan dikekalkan.

Sayangnya saya belum dapat mengesan latar hidup dan kegiatan penyair (-penyair) penting ini kerana beliau (mereka) ditimbusi jauh ke bawah istiadat sastera Melayu dan puisi protes. Namun begitu kita masih terhutang budi bahawa karya ini diciptakan dan diwariskan untuk kita walaupun tanpa maklumat latar.

"Syair Dagang Berjual Beli"

Syair pendek ini dimulakan langsung dengan dakwaan penyair bahawa karyanya dikarang di pabian, bangunan kastam, yang memberi bukan sahaja latar tapi juga pentas aksi dan cara jual belinya yang akan kita saksikan nanti. Ceritanya segar, diambil daripada peristiwa sebenar, belum dibawa pulang untuk dihazam, diperam dan direka kembali

untuk tambahan, pengurangan sastera supaya kesan cerekanya dapat diatur. Nampaknya Tuan Simi langsung menulis "terus terang seperti tikar terhampar". Desakan "hati yang dendam tidak tersabar", membayangkan betapa kerja ini datang langsung daripada peristiwa sebenar yang pernah berlaku sebelumnya.

Dalam sistem budaya Melayu, daripada rajalah dituntut kebijaksanaan dan usul periksa. Sewaktu raja melaksanakan tugasnya, dia dibantu pula oleh amalan-amalan adat dan agama. Bagaimanapun, setelah memantau keadaan dunia yang sudah terbalik dengan saudagar memerintah negeri dan kuasa pemerintahan dipegang teguh oleh saudagar Inggeris, maka secara alamiahlah nilai-nilai yang terpenting untuk negeri itu beralih kepada usaha mengaut keuntungan. Undang-undang juga berada dalam tangan mereka dan dengan itu dapat dilenturkan untuk kepentingan perdagangan dan keuntungan.

Sebagai hasil daripada keadaan dunia yang sudah terbalik ini maka penipuan berleluasa – "yang betul benar sekarang nan jarang/berjanji ringgit dibayarnya sekarang". Tiada kebenaran lagi yang wujud. Manusia pedagang tidak dapat dipegang kata-katanya. Setiap janji harus dilunaskan segera tanpa menunggu waktu antara.

Tuan Simi memasukkan peristiwa contoh yang mewakili keadaan biasa dunia perniagaan. Di tepi pantai dibentangkan cerita "Cina-Cina Keling-Keling pandai mengugut/ Melayu-Melayu Bugis-Bugis bodoh penakut". Janji jual beli antara tuan punya barang, iaitu orang Melayu-Bugis, dengan pembeli barang yang terdiri daripada orang Cina dan India dibayar dengan wang. Tetapi setelah menerima barang-barang daripada peniaga Melayu-Bugis ini, wang dilupakan dan pedagang Cina dan India tersebut cuba membayarnya dengan barang-barang juga, yakni dalam bentuk kain. Untuk memenangkan taktik mereka maka strategi psikologi digunakan untuk menundukkan lawan mereka yang bersifat lembut dan kurang melawan itu. Maka:

Keling-Keling Cina-Cina berkata pulak
mulut menengking tangan menolak.

Bukan sahaja Nakhoda Melayu atau Bugis diserang secara mulut tetapi juga secara fizikal, walaupun dia berhak meminta wang sebagai bayaran. Dengan cepat hal ini berkembang menjadi perkelahian, dan persoalan tentang pertelingkahan itu diheret kepada "Saudagar Inggeris" yang menjadi pengadil, dan seterusnya kepada pihak polis.

Sewaktu mereka datang ke balai polis, mata-mata berleter panjang kerana Nakhoda membawa senjata (mengikut adat dan cara kebiasaannya). Dalam "perbicaraan" yang dijalankan, akhirnya orang Cina itu telah didapati melanggar perjanjiannya. Orang Cina itu akan dipasung dengan syarat:

... Nakhoda kena beri belanja
ditutup dikurung tak boleh bersaja
sudah adatnya diperintahkan raja
bukannya kita berkata sengaja.

Belanjanya itu kesemuanya sekali
Nakhoda kena beri sehari setati
apabila terbayar utang yang asli
belanjanya nakhoda dipulangkan kembali.

Seterusnya:

Adatnya di negeri Singapura ini
begitulah sudah perintahnya Kompeni
sudah naik bicara sekali ini
tak boleh didakwa lagi di sini.

Nakhoda itu diikat erat di suatu pihak oleh perjanjiannya dan di suatu pihak lagi oleh undang-undang Kompeni yang tidak masuk akal. Tetapi terbayang jelas kepada kita bahawa pasukan polis itu ditubuhkan oleh Kompeni untuk menjaga kepentingannya – iaitu perniagaan mereka. Saudagar Inggeris tadi, yang nantinya akan kita maklumi, ialah tuan kepada saudagar Cina yang berniaga secara agresif dan enggan membayar hutangnya.

Betapa tajam penglihatan Tuan Simi – setelah Nakhoda dan saudagar Cina keluar dari balai polis, Nakhoda berasa amat kecewa. Sebaliknya saudagar Cina itu pasti gembira. Tetapi sandiwara masih berterusan:

Didengar Cina bersuka hati
tetapi dimasam-masamkan muka
Nakhoda yang sungguh berhati luka
dimanis-maniskan kelihatan di muka.

Kita dipanjatkan ke puncak ironi dan cara sifat bangsa-bangsa serta masalah ketidakadilan. Pengarang dapat melihat ke dalam muslihat "orang putih":

hukum bicaranya kelihatan terlalu
mulut disuap pantat disumbu.

Khabarnya orang putih adil bicara
mengukum memeriksa tidak bercidera
baharulah ini kita ketara
rupanya sekalian hukum pura-pura.

Seperti dibayangkan oleh Tuan Simi, hukuman dan undang-undang itu hanyalah sandiwara belaka. Semuanya diaturkan antara pedagang Cina, Inggeris dan polis. Dengan amat bijak dan tajam penyair mengusut sumbernya kepada orang putih:

Cina dan Keling dia orang sekaliannya
segala dagangan bukannya hartanya
saudagar orang putih juga yang punyanya
sebarang jenis semata-matanya.

Dagangan dari perahu Bugis dan Melayu
Cina dan Keling membelinya laju
kepada orang putih diserahkan selalu
demikianlah halnya jangan tak tahu.

Ternyata seperti kata Tuan Simi, "hartanya orang putih sesungguhnya nyata/Keling dan Cina jarang yang berharta/ melainkan menyambut juga semata". Pedagang Cina dan

India pada waktu itu hanyalah sebagai alat perniagaan kepada pedagang Inggeris. Pedagang Inggeris juga tidak mengamalkan etika perdagangan malah mereka menggunakan taktik samseng untuk meraih keuntungan. Sementara pedagang Melayu rugi dua kali, orang putih pula mendapat untung berganda kerana mereka membeli dagangan daripada orang Melayu dengan harga yang rendah. Oleh sebab saudagar Inggeris dapat membayar harga barangan dengan dagangan mereka sendiri, maka harganya tentu sahaja dinaikkan ke peringkat yang lebih tinggi. Dagangan mereka juga tidak perlu dijual ke tempat lain. Syair ini menyimpulkan pandangan penyairnya bahawa orang-orang putih ini "pandai dan bijak tidak bertara" dalam tipu helah perniagaan mereka.

Penilaian Tuan Simi ini dilatarkan oleh cara perniagaan orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain sebelum kedatangan Inggeris. Kelicikan dan penipuan dalam dunia perniagaan mungkin sudah begitu biasa di kalangan para peniaga. Tetapi oleh sebab kuasa terakhir berada dalam tangan orang Melayu – Syahbandar, Bendahara atau Raja, maka orang Melayu tidak dikesampingkan atau hanya dianggap sebagai sumber kekayaan.

Dalam perkiraan terakhir tentangan Tuan Simi dan watak-watak lainnya bukan sahaja ditujukan kepada pedagang Inggeris yang juga menjadi penguasa polis, malahan secara umumnya pihak Inggeris dianggap hanya mementingkan keuntungan dan mereka tidak mempunyai kebolehan serta latar belakang kebijaksanaan untuk memerintah. Pihak Inggeris juga dikecam kerana tindakan mereka yang memperalatkan undang-undang untuk menyingkir sesiapa sahaja yang didapati menghalang mereka daripada mengaut keuntungan.

"Syair Potong Gaji"

Seperti "Syair Dagang Berjual Beli", "Syair Potong Gaji" juga memerikan keadaan ekonomi segolongan orang

Melayu pada tahun-tahun 1830-an di Singapura. Jika Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah Munsyi* amat menyanjung Inggeris dengan pentadbirannya, maka dalam "Syair Potong Gaji" ini hal yang sebaliknya pula dibayangkan. Dalam syair ini kita akan ketemui kritikan konkrit daripada seorang penyair Melayu yang membuktikan bahawa pemerintahan Inggeris tidak sesempurna yang digambarkan oleh Abdullah Munsyi. Selain pemeri ekonomi dan contoh kritikan sosial pada tahun-tahun awal ini, karya Tuan Simi membantu mengimbang pandangan orang tempatan terhadap Inggeris. Tidak semua orang Melayu menyebelahi Abdullah dalam pendapatnya. Lebih menarik daripada itu ialah bahawa kemungkinan besar Tuan Simi berasal dari Singapura, manakala Abdullah datang dari Melaka untuk bekerja dengan Raffles.

Dalam "Syair Potong Gaji", pemerian mangsa Kompeni Inggeris ini beralih daripada saudagar Melayu dan Bugis kepada pekerja atau buruh ataupun awak-awak yang berasal dari Singapura atau pulau-pulau di Selat Sunda. Gambarannya tidak terpusat seperti dalam syair pertama, dan pergerakan gagasannya juga kurang jelas. Seperti contoh-contoh yang terdapat dalam puisi Melayu sebelum ini, "Syair Potong Gaji" juga mengeluh tentang kesengsaraan hidup. Tetapi syair ini lebih unik kerana keluhan itu datang daripada golongan pekerja yang dipotong gajinya, suatu golongan baru dalam suatu masyarakat baru. Penyair memperibadikan kesan-kesan tindakan ini dan hampir-hampir menjadikan dirinya *dramatis personae* dalam pemangsaan itu.

"Syair Dagang Berjual Beli" lebih bersifat sosial dan diarahkan ke luar diri penyair, sedangkan syair yang sedang dibincangkan ini lebih bersifat peribadi. Perasaan tidak dijarakkan jauh, tetapi dibenarkan meluap untuk memberi bukti kesengsaraan penanggungnya. Perasaan marah, kecewa, rasa tertipu, rasa dipergunakan dan keperitan oleh sebab sumber nafkah disempitkan lebih jauh mendalam

kesannya. Walaupun penyair tidak dapat lari daripada klise-klise zamannya, namun beberapa pengalaman yang unik dan menyakitkan turut mencipta beberapa metafora yang asli, khusus dan berkesan.

Bermula dengan pernyataan bahawa khabar yang dibawakan oleh syair ini "susah dan sukar", Tuan Simi meneruskannya dengan pemerian betapa besar Gabenor Singapura seperti dalam klise syair biasa, serta betapa sempurna pemerintahannya:

> Berhormat dan kudrat yang tidak bertara
> memunyai perintah hukum dan bicara
> memelihara negeri tak pernah bercendera
> termasyhur namanya sekalian ketara.

Tetapi semua pujian ini seperti belon yang besar, yang telah diletupkan oleh kejadian dan peristiwa seterusnya. Gabenor General inilah yang telah:

> Mendatangkan perintah dari Benggala
> di atas kita sekalian segala
> selaku api yang amat menyala
> membakarkan hati tidak berkala.

Kesannya terhadap manusia yang dijajah dan tidak berdaya ialah:

> Hangusnya terasa ke hati dan jantung
> luluh sebagai dadak dan tepung
> sesak menyucuk tidak tertanggung
> masing-masing hairan duduk melengung.

Metafora "dedak" dan "tepung" yang asli ini mendesak makna yang lebih asli, yang lebih langsung daripada jantung manusia terseksa. Barang buangan, bijirin yang ditumbuk oleh antan yang lebih keras dan kejam menjadi bandingan keadaan diri buruh itu. Juga jelas kepada kita bahawa watak yang menjadi topeng penyair bukanlah manusia kerdil yang menyerah melulu, yang menerima

segala-galanya seperti yang kita selalu dengar daripada Abdullah Munsyi. Mungkin dia terbungkus oleh sopan santun dan bahasa rayuan seorang yang diseksa oleh nasib malang. Tetapi dari antara baris-baris biasa dan lemah lembut itu timbul jarum yang akhirnya jadi serampang, untuk menyerang kembali. Dia melawan dengan kata, mengejek dan tidak hanya menerima tanpa alasan. Perbuatan menulis syair yang demikian sifatnya ialah, dalam sistem British, suatu kerja yang dianggap subversif. Walaupun tidak dicatat sumbernya (yang pasti akan berbahaya kepada penulis dan pembaca dan pekerja Kompeni) tapi dengan lebih tajam lagi syair ini dapat menjalankan tugasnya apabila dibaca atau dibacakan kepada pekerja-pekerja Kompeni dan orang-orang Melayu yang belum sedar akan eksploitasi Inggeris ini.

Seterusnya Tuan Simi menambah dengan sebuah metafora "api", "taufan", "kilat" dan "kapal" yang dipecahkan ribut sebagai kuasa pemusnah Inggeris. Kapal yang rosak ini menjadi simbol pekerja Melayu. Sengsara ini dialami seterusnya dan dipindahkan kepada metafora-metafora yang cukup jujur walaupun kadang-kadang terselit sifat klisenya. Oleh sebab pekerja ini mengalami kesempitan wang maka dia digambarkan seperti kehilangan akal.

> Diam di rumah bertambah bising
> ke sana ke mari pergi berunding
> bicara muafakat berjalan keliling
> mendinginkan hati melipurkan runsing.

Watak pengisah bukan sahaja merasakan kesempitan wang tetapi berasa dihina kerana sebagai pekerja dia tidak lebih daripada loyang, sejenis logam yang rendah mutunya. Dia diperlakukan seperti bertaraf rendah dan oleh itu berasa dipergunakan tanpa kehormatan sewajarnya.

Tetapi masalah yang terpenting untuk sementara waktu ialah gaji yang akan menyara hidup keluarganya dan keadaan serta syarat-syarat kerjanya.

Gaji pun dipotong kerja-kerja ditambah
tempat pekerjaan ditukar dipindah
di manakah hati sekalian tak gundah
kerja yang bertiga seorang sudah.

Pada bait ini kita dijelaskan dengan sumber kepada segala masalah. Gaji pekerja dipotong dan untuk menyulitkan lagi keadaan, kerjanya pula ditambah tiga kali ganda. James Scott (1977:10) sewaktu mengkaji ekonomi petani dan melihat sebab-sebab munculnya protes sosial telah melakarkan situasi zaman kolonial yang agak sama dengan latar syair ini:

> *The colonial period in Southeast Asia, and elsewhere for that matter, was marked by an almost total absence of a provision for the maintenance of a minimal income while, at the same time, the commercialization of the agrarian economy was steadily stripping away most of the traditional forms of social insurance. Far from shielding the peasantry against the fluctuations of the market, colonial regimes were likely to press even harder in a slump so as to maintain their own revenue.*

Cukup jelas di sini bahawa pekerja-pekerja diperas untuk menjamin taraf keuntungan yang tinggi. Dan kemungkinan juga pada waktu meleset, beberapa orang daripada mereka diberhentikan kerja. Manakala kerja-kerja yang ditinggalkan itu dipindahkan kepada orang yang masih dikekalkan, walaupun dengan gaji yang kecil.

Walaupun Singapura baru menjadi pelabuhan Inggeris tetapi cara eksploitasi dan teknik memaksimumkan keuntungan telah dipelajari mereka daripada tanah jajahan Inggeris lainnya. Yang diperlukan di Singapura hanyalah melaksanakannya.

Cukup menarik juga bahawa daripada baris-baris syair ini kita lihat kesedaran akan hak pekerja sudah wujud dan pekerja-pekerja ini juga pintar untuk menjaga kehidupannya. Dalam bait 27, diceritakan betapa ramainya pekerja menulis surat untuk menyatakan masalah mereka.

Seperti dalam "Syair Dagang", penilaian terhadap keadaan pada waktu itu masih berdasarkan rangka nilai yang dikenali dalam masyarakat Melayu atau masyarakat Singapura sebelum kedatangan Inggeris. Mengikut Tuan Simi:

> Sampai hatinya sungguh perintah sekarang
> memberi kecewa pada sekaliannya orang
> berlainan sekali dahulu dan sekarang
> susahnya bukan lagi sebarang-barang.

Ternyata rangka nilai itu sudah dirobohkan oleh apa yang dialaminya. Sebelum zaman Kompeni, suatu peraturan atau sistem yang lebih peka, lebih adil dan lebih bermurah hati dirasakan pernah wujud.

Syair ini berselang-seli menceritakan kesalahan dan kekasaran Kompeni dan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerjanya. Contoh-contoh dikutip dari pelbagai sudut kehidupan masyarakat. Jikalau orang Singapura harus menderita apabila dipotong gajinya atau diberhentikan kerja, maka orang-orang Bangkahulu yang berpindah ke Singapura lebih sukar keadaannya kerana sebagai pendatang baru mereka tidak mudah mencari tempat bergantung. Pekerja-pekerja ini juga harus menanggung penyaraan keluarganya yang telah pun dibawa ke kota itu.

"Syair Tenku Perabu di Negeri Singapura"

Kedua-dua buah syair "Syair Dagang Berjual Beli", dan "Syair Potong Gaji" lebih dekat kepada bentuk pernyataan, penglahiran pendapat dan perasaan. Bersifat pendek dan padat – karya-karya ini langsung membincangkan masalahnya. Tekniknya lebih langsung, iaitu suatu pemaparan keadaan dan pembuktian terhadap keadaan itu.

"Syair Tenku Perabu" mempunyai 162 bait dan ditambah pula dengan satu *envoi* yang mengandungi sembilan bait. Oleh sebab ruangnya lebih besar, maka naratifnya dapat bergerak lebih perlahan dan lebih membawa perincian. Walaupun berdasarkan peristiwa-peristiwa sekitar

tahun 1830-an, unsur cereka jelas digunakan oleh penyair anonim ini untuk mencapai kesan terakhirnya.

Oleh sebab isi dan sasaran ketiga-tiga buah syair kritis ini amat berterus terang, saya percaya, puisi-puisi tersebut telah diedarkan secara sulit – setahu kita tidak dicetak – hanya disalin kembali dengan tangan dan diedarkan. Mencetak bermakna merasmikannya. Dalam pemerintahan raja Melayu dan juga Kompeni Inggeris, kerja menyalin dan mengedarkannya akan cukup memuaskan hati pembaca atau orang-orang yang merasai dirinya dimangsai dalam apa cara pun, dan di pihak yang lain dapat membantu mengelak suatu konfrontasi dengan majikan atau raja. Konfrontasi begini jarang-jarang berlaku dalam hubungan antara pemerintah dengan rakyat.

Telah saya sebutkan sebelum ini bahawa "Syair Tenku Perabu" didasarkan pada peristiwa yang berlaku pada tahun-tahun 1830-an di Singapura dan Melaka. Namun demikian, sekurang-kurangnya ada dua versi atau tafsiran tentangnya. Yang pertama dan amat terlibat ialah syair itu sendiri dan kedua, laporan dalam *Hikayat Abdullah* (1953:354–355). Sebelum kita berbincang terus ada baiknya saya kutip bahagian *Hikayat* itu yang dapat membantu melakarkan latar syair ini:

> Maka apabila aku sampai ke Singapura, maka kudengarlah berbagai-bagai khabar dari hal dalam istana Sultan Singapura, iaitu dari sebab ia mengasihi seorang peranakan Keling anak Melaka, yang bernama 'Abdulkadir bin 'Ahmad Sahib, negerinya Muhammad Bandar. Maka adalah 'Abdulkadir itu dipercayainya sampai ditaruhnya akan dia dalam istananya seperti orang anak-beranak atau seperti orang berlaki bini rupanya dalam istana itu. Maka dari sebab itu menjadi sumbanglah pada pemandangan segala orang besar-besarnya dan segala kaum keluarga Sultan itu, sehingga menaruh cemburulah mereka itu masing-masing akan 'Abdulkadir itu. Maka jikalau sekiranya mereka itu menjadi harimau, maka sebentar itu juga

> hendak dipatahkannya batang lehernya. Dan lagi pula semenjak ada 'Abdulkadir itu, maka jaranglah sudah segala orang-orangnya dan menterinya yang dikasihinya dahulu itu, melainkan 'Abdulkadir itulah yang dilebihkannya dan diserahkannya ikhtiar kepadanya daripada baik dan jahatnya. Maka barang katanya kata Sultan. Maka dari sebab segala perkara yang tersebut itu pekerjaan Sultan itu menghilangkan 'akal segala manusia. Maka aku pun menjadi seperti orang menangkap bayang-bayang dalam cermin adanya, melainkan kudengarlah berbagai-bagai khabar dan cerita yang tiada patut dan layak kutuliskan dalam hikayatku ini, melainkan Allah ta'ala juga yang amat mengetahui akan segala perkara yang ghaib itu.

Pemerian dan pendapat Abdullah berdasarkan pandangan hidup dan rangka nilainya, dan nanti kita akan dapat melihatnya sebagai sesuatu yang amat berbeza dengan cara pemerian pengarang syair ini. Tetapi sebuah syair gelap itu tidak terikat kepada batasan jurnalisme, tidak harus menulis yang "tiada patut dan layak kutuliskan dalam hikayatku". Tentu sahaja karya Abdullah itu berbeza genre, dasar dan tujuannya daripada sebuah syair gelap dan bersifat protes. Sekiranya keghairahan tidak layak mewarnai laporan, maka dalam puisi protes hal ini menjadi bumbu biasa. Namun demikian untuk kita yang membacanya 140 tahun kemudian, kedua-dua karya ini saling melengkapi gambaran masyarakat dan peristiwa yang terjadi di tengah-tengah krisis kerajaan dan sebuah keluarga raja Melayu.

Ditulis dari suatu sudut yang lebih peribadi, dibernaskan oleh bentuknya yang lebih naratif – untuk menambah unsur kreatif – dan dibantu oleh sumber-sumber yang akrab dengan peristiwa ini, maka "Syair Tenku Perabu" mempunyai kelainan yang amat besar daripada laporan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi.

Syair ini bermula dengan situasi pada waktu itu dengan "seisi negeri ramai menista/terlalulah rayu sekaliannya kita". Pengarang melibatkan dirinya sebagai rakyat, sebagai

penduduk negeri, dan kemungkinan besar sebagai orang istana atau bangsawan dengan perkataan "kita"nya. Dengan kata ini juga kita tidak terlalu mengharapkan dia menjarakkan diri daripada peristiwa yang amat menuntut perasaan itu. Sebabnya maka "nista" ini merebak ke seluruh negeri kerana "uri yang jati menjadi habu". Tenku Perabu, isteri Sultan Singapura bersedudukan dengan seorang peranakan India. Wang Sultan yang didapatkan daripada Kompeni sebanyak $1300 juga habis digunakannya.

Pada bait ketujuh kita diperkenalkan kepada Sultan yang walaupun bukan menjadi watak utama tetapi masih melatarkan seluruh peristiwa. Oleh sebab beliau amat lemah maka semua cerita sedih telah tiada dapat dihindarkannya.

> Dari halnya sultan raja yang asli
> gagap dan buta lalai dan tuli
> beberapa disembahkan ke bawah duli
> sedikit pun tidak baginda peduli.

Pemerian ini membayangkan seorang raja yang cukup tua, yang sudah kabur pemandangan dan pendengarannya, yang mungkin mengakibatkan dia lalai dan tidak mempedulikan apa yang berlaku di sekelilingnya.

Bait ini juga merangkaikan untuk kita suatu konsep raja yang diharapkan, yang dikontekskan oleh kerajaan-kerajaan sebelum ini, di Melaka, di Riau dan mungkin juga di Pahang. Raja yang baik memiliki sifat yang berlawanan dengan apa yang disebutkan di sini. Bukan sahaja dia tidak harus tergagap-gagap tetapi harus berbicara lancar dan penuh nada wibawa, dalam mengarah dan mengatur negeri. Kerana dia berada di puncak pemerintahan, dia harus bukan sahaja tidak buta tetapi mempunyai pandangan yang tajam lagi jauh. Dia juga harus menjadi seorang hakim yang selalu mendengar dan peka kepada segala kepalsuan, cepat membetulkan yang salah. *Sejarah Melayu*, *Taj us-Salatin*, dan beberapa hikayat Melayu lainnya sedikit sebanyak bertang-

gungjawab melakarkan konsep raja yang adil, dan gabungan semua konsep ini menjadi dasar penilaian untuk Sultan Singapura pada waktu itu, yang ternyata amat menyimpang daripada sifat-sifat dan nilai-nilai tinggi yang dituntut daripadanya.

Negeri Singapura telah aib kerana rajanya tidak berlagak seperti raja. Syair ini memperlihatkan suatu pergelutan nilai (Scott, 1985: xvii), antara istana dengan rakyat atau penyair yang ingin menggantikan nilai-nilai yang ada dengan nilai-nilai dan cara-cara baik supaya negeri itu kembali kepada landasan asalnya. Sementara itu syair ini juga amat radikal dan unik kerana keberaniannya untuk menyatakan kesalahan rajanya. Tentu sahaja seperti kata Abdullah dalam hikayatnya, aib yang ditanggung oleh orang-orang istana dan rakyat pada waktu itu amat memalukan sekali sehingga seorang penyair harus menurunkannya dalam sebuah puisi. Tambahan lagi orang-orang Melayu pada waktu itu juga harus lebih menjaga maruahnya di hadapan Kompeni, orang Cina, dan India dan Nusantara, yang tentu sahaja akan mendengar dan menilai raja Melayu itu.

Protes sosial penyair dalam syair bertugas memerikan tindakan rakyat terhadap raja. Penyair menceritakan secara terperinci apa yang terjadi setelah mereka merasa aib ini pada diri mereka sendiri.

> Mula-mulanya orang menampalkan pelekat
> di pintu kota konon dilekat
> Tenku Perabu dengan Tambi duduk berdekat
> dilihat orang suatu tempat.

Kelihatan di sini bahawa amarah rakyat sudah tidak dapat dikekang oleh kesetiaan tradisional sekiranya pelekat-pelekat sudah pun ditampal di pintu kota sebagai bantahan. Biasanya dalam keadaan ini orang-orang Melayu akan menggunakan senjata umpatan untuk melepaskan geram dan dendam, tetapi jarang-jarang sekali kita dengar akan ekspresi seperti dalam bait ini. Mungkin cara bantahan yang demikian ditiru daripada kertas-kertas makluman

Kompeni yang ditampal untuk pengetahuan ramai. Tetapi pernah juga timbul syak wasangka terhadap berita di tembok itu. Namun begitu cerita telah diteruskan dan kita sudah sampai ke tahap "Tenku Perabu berasa empat bulan bunting/segera dipanggil bidan yang asing/masuk ke bilik pintu dikancing." Anak yang digugurkan itu ditanam di bawah pohon cempaka, kata penyair. Cinta meneruskan adegannya. Seperti seorang kekasih muda, Tenku Perabu pura-pura merajuk supaya cepat dipujuk oleh Tambi itu.

Gaya penyair lebih akrab, lebih banyak menjalinkan perincian yang memberi warna kepada kenyataan. Perincian ini dijadikan bukti kepada apa yang pada mulanya mungkin hanya dianggap sebagai umpatan atau fitnah.

Seorang watak lagi yang terlibat erat dengan hubungan dua orang kekasih ini turut diperkenalkan. Pada suatu hari sewaktu Raja Katijah (ahli daripada keluarga Raja?) sedang mengadakan kenduri, dia melihat "laku dan peri/Tenku Perabu dengan Tambi rupanya mencuri" untuk menemui antara satu sama lainnya. Apabila diminta Encik Hitam (juga orang istana) untuk mengintai ternyata desas-desus yang berterbangan itu ada buktinya. Dia melaporkan:

> Di selasar di bilik patik lalu-lalu
> Tenku Perabu dengan Tambi sedikit tak malu.

Tetapi kata-kata Encik Hitam itu disampaikan oleh Raja Katijah kepada Permaisuri yang mula gempar kerana rahsianya telah terbongkar. Dan seperti biasa yang teraniaya ialah orang suruhan tadi, Encik Hitam "dipukulnya dengan senduk ... berdarah, minyak di kuali hendak dicurah." Maka larilah Encik Hitam dengan keningnya berdarah dikejar Raja Katijah. Setelah itu Raja Katijah pula dihalau keluar dari istana dalam drama cemas untuk menutup mulut dan malunya. Tetapi watak Katijah ini agak garang, dan seperti kita telah saksikan, bertindak mengikut rasa hati. Apabila dihalau oleh Tenku Perabu "nyahlah dari sini barang-barang engkau hangkut!", dia terus melawan dengan rasa marah dan benar.

Raja Katijah berkata sambil menjerit
"pantat siapa yang koyak rabit
dianui Keling tidak bersabit
orang nan pulak disuruhnya terbit?"

Dengan kata-kata keras dan kolokuil ini, Raja Katijah mungkin sahaja diaturkan untuk mewakili perasaan ramai orang Melayu pada waktu itu bagi menyerang Permaisuri yang dianggap pesalah itu. Sekali lagi kita bertemu dengan rangka piawai yang menjadi konteks perit nilai dan imej raja dalam cerita ini. Sebagai pelindung rakyat dia diharapkan menjadi contoh dalam semua perlakuan peribadi dan istananya, termasuk hubungan seksual permaisurinya. Tetapi ternyata permaisuri itu bukan sahaja tidak memiliki kelakuan yang boleh diteladani tetapi telah menterbalikkan akhlak yang diharapkan dari istana. Dia bersekedudukan dengan seorang peranakan India biasa. Daulat raja Melayu telah dibina oleh imej-imej unggul melalui hikayat-hikayat, pada awalnya sebagai berketurunan kayangan, setengah-setengahnya juga daripada keturunan nabi. Jadi yang harus mendampingi mereka haruslah setaraf dengannya. Abdullah Munsyi sendiri, yang tidak pernah mengasihi raja-raja Melayu, melihat bahawa dunia sudah huru-hara. Abdullah dalam hikayatnya (1953:360) mengutip dua buah pantun sebagai mewakili pendapatnya. Saya kutip yang pertama:

Penggaga dalam timba,
    Mari digoreng dalam kuali;
Seekor naga di Lautan Cina,
    Digonggong kambing, dibawanya lari.

Tambahan pula Abdul Kadir atau Tambi ini sudah berkahwin dan mempunyai enam orang anak. Dia bukanlah pasangan segar atau bumbu untuk cerita romantik.

Adegan-adegan percintaan diteruskan antara dua orang kekasih ini. Siapa yang menegur "disuruhnya bantai". Apabila Tuanku Jalil (anak kepada Sultan) mengetahui hal ini dia difitnah oleh Permaisuri kononnya suka

mengintai dan dikirimkan ke Pahang sebagai hukuman.

Kerana aibnya tersebar luas, maka orang-orang istana pun amat marah dan diaturkan suatu rancangan untuk menangkap Abdul Kadir. Apabila kumpulan itu tiba di istana, Sultan telah menghalang mereka. Di dalam istana Abdul Kadir dipakaikan pakaian secara perempuan. Dan di bawah perlindungan Sultan serta Permaisuri, dia telah dapat bolos daripada pengepungnya. Setelah dapat bersembunyi dengan seorang India, dia pun mengarang surat (amanat) panjang kepada Permaisuri. Cukup menarik ialah hakikat bahawa syair ini menyediakan seluruh suratnya dalam bentuk prosa. Ada beberapa pesanannya, termasuk supaya Tenku Perabu melunaskan hutangnya kepada seorang tukang Cina dan meminta agar permaisuri mengatur supaya dalam jangka dua tiga hari dapat belayar menyusulnya ke Melaka.

Akhirnya pembesar-pembesar dan orang-orang Melayu Singapura pun maklum bahawa mereka telah tertipu dan menjadi semakin marah. Sementara itu Tenku Perabu amat merindui Abdul Kadir. Beliau telah mendapat persetujuan untuk belayar menghiburkan hati. Sebaik belayar Tenku Perabu terus menuju ke pulau Damar, walaupun perbuatannya itu tidak digemari oleh pendayung-pendayungnya. Ramai antara pendayungnya yang lari. Akibatnya mereka terpaksa ke Karimun dan harus bersembunyi di situ kerana ada sebuah angkatan Sultan Lingga yang lewat di sana. Setelah gagal dalam rancangannya untuk ke Melaka, akhirnya mereka terpaksa pulang ke Singapura. Sejurus kemudian, kerana aib dan malu, maka Sultan, isteri dan anaknya mengikuti jejak dan rancangan Abdul Kadir dengan berpindah ke Melaka pada bulan Muharam, 1250 Hijrah.

Menyewalah kici Yang di-Pertuan Kedah
barang-barang harta dibawanya berpindah
peti-peti yang ada lama-lama yang sudah
dibungkusnya kuning kelihatan indah.

Menurutkan Tambi pergi ke Melaka
dikatakan bermain gurau seloka
supaya jangan seseorang menyangka
membayar kaul membuangkan celaka.

Dengan berpura-pura bertemasya mereka langsung ke Melaka. Setelah tiba di sana mereka disambut oleh Abdul Kadir. Maka perayaan besar-besaran pun diadakan, lengkap dengan joget dan tarian. Sementara itu tali cumbuan dua kekasih itu cepat disambung kembali dengan ghairahnya. Setelah berpindah ke Ujung Pasir, maka kuasa Tambi pun menjadi semakin kukuh. Di sini pula mereka mula menghadapi umpatan orang-orang Melaka. Demi melindungi diri mereka maka fikir Tenku Perabu merancang:

Baiklah Si Andak pulak kuberi
kepada Tambi menjadi isteri.

Tengku Andak, anaknya, diserahkan untuk diperisterikan Abdul Kadir. Tetapi untuk beristerikan puteri Melayu Abdul Kadir harus bergelar:

Salah sedikit kepada rasa
Melayu dan Keling berlainan bahasa
dari halnya Tambi kekurangan bangsa
boleh kugelar kuberi kuasa.

Mengikut Abdullah Munsyi gelaran itu ialah Tengku Muda, sama seperti yang terdapat dalam syair ini. Abdullah juga memberi suatu dimensi lain kepada watak Abdul Kadir ini yang diceritakan dari sudut Melayu. Setelah mendapat gelaran itu, pengaruhnya pun semakin luas dan dialah yang menjadi sultan secara *de facto*. Malah semua urusan kerajaan sudah diserahkan kepada Abdul Kadir, terutama setelah dia menjadi menantu raja.

Abdullah Munsyi sendiri (1953:370) pernah dijemput ke rumah Abdul Kadir untuk membuat suatu cap. Kata Abdullah, "Lalu dikeluarkannya sekeping kertas yang ada

tertulis di dalamnya, demikian bunyinya: *Al wathik billahi Tengku Muda 'Abdulkadir bin as Sultan Husain Syah.* Maka apabila aku melihat perkataan cap itu, maka tersenyumlah aku, sambil berfikir: "Lain orang memperanakkan maka lain orang yang dipanggil bapa". Abdullah membayangkan betapa *besar cita-cita kuasa* watak ini dan cepat pula mempergunakan kedudukannya. Dialah yang menguruskan seluruh gaji Sultan sebanyak $1300 sebulan itu, tetapi diceritakan juga bagaimana apabila wang diperlukan maka banyaklah barang-barang Sultan yang dijualkan. Seterusnya juga seluruh pekerja istana digantikan dengan peranakan India, sehingga tidak seorang pun orang Melayu yang dibenarkan bekerja di sana. Oleh itu sebahagian daripada keraguan pembesar Melayu Singapura dan di Melaka dikonkritkan lagi di mata mereka.

Puncak muslihatnya ialah ketika Abdul Kadir ditikam pada suatu hari. Tetapi mengikut Abdullah luka itu tidak merbahaya. Mengikut syair ini pula Abdul Kadir berada pada titik "hidup dengan mati di dalam sengsara". Yang masuk untuk melawatnya ialah teman-teman dan pekerja-pekerja peranakannya sahaja.

Tenku Jalil, anak kepada Sultan Hussain, yang dihantar ke Pahang, telah kembali ke Singapura dan berunding dengan gabenor di sana. Dia dicadangkan untuk belayar ke Melaka. Tetapi setibanya di sana dia dilarang untuk bertemu ayahnya oleh permaisuri dan Abdul Kadir. Akhirnya hanya melalui perantaraan Inggeris sahaja baru dapat mereka dipertemukan. Setelah berbaik kembali, Tenku Perabu meminta Tenku Jalil menerima Abdul Kadir sebagai saudaranya. Inilah puncak ironi. Tetapi di akhir syair ini pengarang tidak membenarkan Tenku Jalil menjawab. Hanya permaisuri yang menyimpul:

> Zaman ini sekarang sudahlah beralih
> engkau pun bukan tidak mengelih
> Encik Wan, raja-raja, mukmin dan salih
> bermenantukan Cina Keling pun boleh.

Syair tamat di sini, sebelum kematian Sultan Hussain pada tahun 1251, yakni enam tahun setelah syair ini disalin. Oleh itu syair yang disalin itu agak muda usianya dan masih segar. Dalam rentangan sejarahnya Abdul Kadir berpindah ke Liri, berhampiran Tanjung Keling dengan isteri dan mentua-kekasihnya dan setelah beberapa lama, dia meninggal di sana. Dia menang akhirnya, dalam alunan sejarah yang sayang akan orang yang pandai menggunakan bahasa dan licik dalam rancangannya.

Penyair "Syair Tenku Perabu" yang mewakili pandangan orang-orang Melayu melihat bahawa semua ini berlaku kerana sultannya lemah dan telah membenarkan dirinya dikuasai oleh Abdul Kadir yang berlidah lembut. Hal ini turut diperkatakan oleh Abdullah, yang juga terkesan dengan cara Abdul Kadir bertutur, dan tidak lupa pula cara hidup permaisuri itu sendiri.

Puisi protes ini menutup baitnya dengan menyalahkan Abdul Kadir dengan nada marah dan memindahkannya kepada bangsanya secara yang kurang adil. Sebenarnya dalam cerita ini Tenku Perabulah menjadi punca segala masalah. Tetapi juga sekali lagi kita diingatkan kepada raja-raja dan menteri yang edan, yang membenarkan semua hal ini berlaku. Dalam *Hikayat*nya pula Abdullah melihat segala ini sebagai balasan Tuhan terhadap raja-raja yang:

> bukan kecil-kecil zalimnya yang dikerjakannya, seperti mengambil anak bini orang yang disukainya itu seperti menangkap anak ayam sahaja dengan tiada terkenang-kan takut kepada Allah dan malukan makhluk; maka istimewa membunuh orang itu pun seperti membunuh seekor semut juga, dengan tiada sepatutnya dosanya yang boleh dibunuh ....

Bahagian terakhir syair ini menimbulkan rasa gelisah pada para pembaca kontemporari kerana unsur ras dan prasangka bangsa yang tidak dapat kita terima dewasa ini. Namun demikian inilah bayangan gelap hubungan antara kaum yang tertumpah pada halaman syair ini. Sebenarnya

cara penyelesaian tidak mungkin terletak pada kata begini.

Puisi Protes Sebagai Genre

Ketiga-tiga buah syair yang telah kita kaji ini menjadi bukti kepada wujudnya dalam sastera Melayu suatu kumpulan karya yang membawa protes sosial. Bertentangan dengan laporan Munsyi Abdullah yang menggambarkan orang Melayu sebagai penerima nasib yang tidak pernah melawan atau menjadi mangsa yang tidak menuntut haknya, kita saksikan di sini betapa tajam dan ghairah kritikan terhadap raja, bangsawan, pedagang dan pemerintah yang tidak adil atau tidak menjalankan tugasnya. Lebih daripada itu secara luas pula syair-syair ini menjadi penilai dan pengkritik zaman.

Perlu kita sebutkan di sini bahawa protes sosial begini bukanlah sesuatu bukti yang tunggal dan terpencil. Tradisi kritikan ini kita lihat dalam watak-watak Nujum dalam "Nujum Pak Belalang", kata-kata Pak Dogah dan Wak Long dalam wayang kulit, Puteri Gunung Ledang dalam *Sejarah Melayu*, watak Khadam dalam cerita-cerita bangsawan seperti "Jula Juli Bintang Tiga", dan sebagainya. Dengan cara halus, tersembunyi atau langsung mereka mengkritik raja-raja yang berkuasa dan watak-watak lainnya dalam masyarakat seluruhnya melalui pendapat atau ejekan. *Hikayat Hang Tuah* pula tidak dapat disebut sebagai suatu protes sosial tetapi masih menjalin dan menempatkan serta menyalurkan pandangan Jebat sebagai penentang terhadap pemerintahan sultan Melaka. Pada zaman kita, Usman Awang, Baha Zain dan ramai penyair muda menjalankan tugas-tugas kritikan ini.

Sifat dan tujuan ketiga-ketiga syair ini dalam bentuk puisi menjadikannya karya yang unik. Sasarannya bukan sahaja pedagang kecil malahan pemerintah Inggeris dan juga kuasa dan peribadi raja serta permaisurinya. Jarang-jarang sekali orang Melayu menentang secara *konfrontasi*. Kritikannya dibenamkan dalam kiasan dan metafora, dikembangkan dan dilafazkan melalui umpatan.

Selain syair yang kita sebutkan tadi, kita tidak dapat menelah berapakah jumlah sebenar syair yang bersifat tantangan begini. Sifat gelap atau *clandestine*nya membuatkan karya ini lebih sulit untuk didapatkan dan tersebar hanya di kalangan orang-orang yang berkepentingan sahaja. Besar kemungkinannya masih terdapat banyak lagi karya yang tidak disebarkan dan tidak sampai ke tangan pengumpul manuskrip. Hanya karya-karya biasa yang akan diserahkan kepada Abdullah atau pengumpul lainnya, kerana karya-karya ini tidak akan menimbulkan masalah kepada pemberi, penyalin atau orang-orang lain yang terlibat.

Tetapi apa yang nyata ialah walaupun orang Melayu patuh kepada ketua, raja atau pemerintahnya, mereka juga mempunyai apa yang disebutkan oleh James Scott (1985) senjata orang lemah *(weapons of the weak)*, melalui umpatan dan penentangan dan cara-cara yang tidak langsung. Kerja mengkritik ialah kerja orang yang menyedari akan masalah dan bergelut dengan masalah itu. Walaupun tidak selalu intelektual sifatnya, kerja mengkritik ini menuntut pertimbangan nilai dan pandangan hidup yang diinginkan, bahawa imbangan, kemuliaan, harga diri, keadilan dan kesaksamaan perlu dikembalikan seperti sediakala. Kritikan ini juga melakarkan manusia dalam kelompok yang lebih besar sebagai suatu bangsa. Seperti terdapatnya pengikut Hang Tuah dalam masyarakat Melayu dahulu dan sekarang, begitu juga terdapatnya pengikut Hang Jebat. Pada saya kedua-duanya saling melengkapi. Hang Jebat, atau Tuan Simi ialah *alter ego* untuk mereka yang akur. Penentangan dibuat untuk membetulkan keadaan dan bukan untuk memusnahkannya.

Subgenre ini berlainan daripada subgenre puisi lainnya kerana tujuannya yang lebih kritikal dan bentuk bahasa serta rentaknya yang lebih langsung. Seperti sajak-sajak LEKRA atau "Keranda 152", hiasan bahasa tidak dipentingkan. Maknalah yang menjadi sasaran utama. Kehalusan ekspresi tidak selalu mempunyai tempat pada mangsa eksploitasi atau rakyat yang diaibkan. Emosi bergelora di dalam

barisnya dan hujung-hujung baris ini menjunamkan kritikan. Pengarang mendramakan krisis mereka. (Wilson, 1972:73).

Untuk pertama kalinya kita bertemu dengan syair-syair yang menjadikan persoalan ekonomi watak-wataknya sebagai tema. Dalam syair "Dagang Berjual Beli" yang dibincangkan ialah penipuan orang tengah yang digajikan oleh pegawai Kompeni Inggeris, pelanggaran kontrak dan betapa dalam dunia perniagaan – kuasa undang-undang yang tidak dipisahkan daripada kuasa pedagang akan memangsakan pedagang dan manusia kerdil. Oleh sebab syair yang membawa persoalan ekonomi amat langka pada zaman mana pun, maka syair-syair ini amat berharga, terutama apabila yang digalurkan ialah kehidupan di sektor ekonomi Singapura beberapa tahun setelah kedatangan Inggeris. Masalah orang Melayu yang biasanya hidup dari tanah dan dusun dan sekarang harus hidup dalam suatu ekonomi wang, yang harus merana kerana tidak mempunyai persandaran pada waktu kritis, telah diketengahkan dengan baik.

Hanya dalam tahun-tahun 1960-an baru kita ketemui kembali sajak-sajak Usman Awang yang mempersoalkan mogok pekerja, kesusahan hidup kerana dipotong gaji dan keadaan umum orang-orang miskin. Biasanya sajak-sajak Melayu lebih melakar dunia perasaan dan nilai. Hingga zaman kita ini tema ekonomi tidak dianggap sebagai sesuatu yang puitis. Dan di sinilah bentuk dan konsep genre syair yang sudah pun melalui beberapa zaman itu cukup luwes dan terbuka. Persoalan apa sahaja, daripada agama kepada cinta, daripada ejekan kepada penipuan, dapat diserapkan ke dalam baris-barisnya.

Seperti Abdullah Munsyi juga, kita melihat bahawa Tuan Simi dan pengarang "Syair Tenku Perabu", menyampaikan cerita baru yang tidak diambil daripada adegan *Syair Siti Zubaidah*, atau *Ken Tambunan*. Persoalan yang disampaikan dilakonkan di sekeliling mereka dan mereka harus mencipta syair-syair baru yang belum terkarang sebelum ini.

Walaupun ada beberapa ulangan baris untuk mukadimahnya, tetapi baris-baris yang menyambungnya harus dicipta untuk melakarkan situasi, isi dan keadaan sebenar yang bersifat baru pula. Oleh itu mereka harus asli dalam baris-barisnya, dan oleh sebab tidak terlalu banyak lagi persamaan keadaan, pemandangan atau perasaan dengan baris-baris syair-syair lama maka terciptalah bait-bait seperti:

> Gaji pun dipotong kerja-kerja ditambah
> tempat pekerjaan ditukar dipindah
> di manakah hati sekalian tak gundah
> kerja yang bertiga seorang sudah.
>
> ("Syair Potong Gaji")

dan

> Darihalnya dagangan yang ada semata
> hartanya orang putih sesungguhnya nyata
> Keling dan Cina jarang yang berharta
> melainkan menyambut juga semata.
>
> ("Syair Dagang Berjual Beli")

dan

> Gaduhlah Tambi turun menyambut
> laksana perahu yang kena ribut
> lakunya sebagai Cina berebut
> Tenku Perabu bertanya segera disahut.
>
> ("Syair Tenku Perabu")

Oleh sebab dituntut oleh tema, pemerian dan naratif yang berlainan, maka penyair harus mencipta syairnya sendiri, menyingkap kenyataan Singapura dan kehidupan barunya. Dengan itu cukup banyak baris-baris dalam ketiga-tiga buah syair ini memperlihatkan keaslian pemerian metafora dan suara. Saya sebutkan tadi bahawa pergerakannya juga lebih cepat. Pada beberapa bahagiannya, terutama pada dialog, tiada lagi diturunkan pertuturan yang lembut gemalai, tetapi tepat menuju sasaran.

Keaslian yang agak tinggi ini menandakan konsep kepengarangan yang telah melalui apa yang disebut oleh Foucault (Rabinow, 1984:101–120) sebagai *individualisation*", dan selalu tampak hadir dan memberi sempadan kepada teksnya, memperlihatkan atau sekurang-kurangnya mewatakkan cara dan wujudnya. Penyair-penyair yang kita bincangkan ini lebih hadir sebagai manusia yang jelas dengan watak, bahasa dan kuasa kepengarangannya. Teks itu menjadi haknya dan merekalah pencipta pusat dan pinggirnya.

Sehubungan dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa Abdullah Munsyi, Tuan Simi dan pengarang anonim "Syair Tenku Perabu", masing-masing telah menulis dalam bentuk protes sosial yang asli, unik dan membayangkan pemikiran manusia Melayu yang cukup moden.

RUJUKAN

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1953. *Hikayat Abdullah.* Anotasi oleh R.A. Datoek Besar dan R. Roolvink. Jakarta: Penerbit Jambatan.

Abdullah bin Abdul Kadir 1970. *The Hikayat Abdullah.* An Annotated Translation by A.H. Hill. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Bukhari Al-Jauhari 1966. *Taj us-Salatin.* Diusahakan oleh Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Crawfurd, John 1971. *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Islands.* Introduced by Ricklefs. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Rabinow, Paul 1984. *Foucault Reader.* New York: Pantheon.

Scott, James, C. 1977. *The Moral Economy of the Peasant.* New Haven: Yale University Press.

Scott, James, C. 1985. *Weapons of the Weak.* New Haven: Yale University Press and University of Malaya.

Wilson, Truman 1972. "On Creating Revolutionary Art and Going Out of Print". In *Tri-Quarterly.* No. 23/24.

Bahagian

Dua

(Teks Rumi)

Perpustakaan Negara

Syair Dagang Berjual Beli Dikarang oleh Tuan Simi di Negeri Singapura

Hlm. 1

1. Syair dikarang di dalam pabean
didengar dilihat semata sekalian
datanglah hati hamba nan gelian
dari halnya dagang berjual belian.

2. Inilah ditulis dijadikan khabar
hati yang dendam tidak tersabar
bukannya dibuat-buat kata-kata ditukar
terus terang seperti tikar terhampar.

3. Dengarlah tuan-tuan hamba berperi
dari sangat hairan ajaib kendiri
sekarang saudagar memerintahkan negeri
tandanya dunia sudahlah akhiri.

4. Imam pun khabarnya mengambil upah
pada yang bercerai kahwin dan nikah
hukum yang senang menjadi payah
jalan yang benar pun boleh disalah.

5. Apabila sudah mendapat suab[1]
sebarang syoal[2] boleh dijawab
Quran dan fiqh duduk diadap
begitu begini mencarikan sebab.

6. Haji-haji pun banyak berjual beli
menipu bersumpah berani sekali
bicara berdakwa tidak yang khali
berulang di polis beberapa kali.

Hlm. 2

7. Kebetulan dengan yang memegangkan bicara
keuntungan dirinya juga dikira
dihukum didenda beri sengsara
yang menang yang kalah sangatlah bercidera.

8. Terbaliklah sudah ujan ke langit
adat dan perintah sekalian tersepit
inilah dikarang dijadikan pengingat
baiklah jaga-jaga yang amat sangat.

9. Kecil besar laki-laki dan perempuan
akhiran zaman sudahlah keruan
hendaklah encik-encik dan tuan-tuan
memikirkan diri jangan jemuan.

10. Kerananya adat di dalam sekarang
banyak yang terkena bukannya seorang
yang betul benar sekarang nan jarang
berjanji ringgit dibayarnya sekarang.

11. Perahu-perahu datang masing-masing
berebut-rebut
berjual beli sambut-menyambut
Cina-Cina Keling-Keling pandai mengugut
Melayu-Melayu Bugis-Bugis bodoh penakut.

12. Berborong-borongan segala dagangan
sedikit pun tidak berutang-utangan
berjanji bersetia dengan senangan
sampai terserah[3] wang di tangan.

Perpustakaan Negara

13. Setelahlah habis dagangannya dipunggah
Cina-Cina Keling-Keling berbuatlah olah
ditunjukkan kain-kain barang-barang yang indah
katanya, "Ambillah nakhoda-nakhoda setengah".

Hlm. 3

14. Dari sebabnya saya sudahlah letih
mendapatkan tuan-tuan saudagar orang putih
menunggu piutang seduit tak boleh
perjanjian kita baiklah dialih.

15. Ambillah dagangan mana-mana yang ada
kain-kain bagus-bagus perbuatan Belanda
darihal mata wang sudahlah tiada
kalau hendak mengadu pun pergilah Nakhoda.

16. Nakhoda berkata, "Mengapakah begitu,
bukankah sudah berjanji yang tentu
sekarang disuruh pergi mengadu
kita orang dagang di manakan tahu?"

17. Keling-Keling Cina-Cina berkata pulak
mulut menengking tangan menolak
marahlah Nakhoda bertambah galak
tengkar-menengkar salak-menyalak.

18. Hampir-hampir bergocoh bertikam nyaris
dihelanya bawa ke saudagar Inggeris
berjawab syoal tangkis-menangkis
sepanjang jalan tepis-menepis.

19. Sampailah ke toko saudagar yang besar
kata-katanya Cina semangkin kasar
ramailah melihat orang-orang di pasar
kata saudagar jangan bertengkar.

20. Baiklah lu orang pergi ke polis
boleh diperiksa dihukum ditulis
tuan-tuan bertiga yang duduk di majlis
di sanalah tempat bicara yang habis.

Hlm. 4

21. Nakhoda pun kembali ke perahunya pulang
Cina yang tadi berulang-ulang
kepada saudagar mintak digalang
"Tolonglah tuan jangan kepalang."

22. Darihalnya kain-kain beberapa benar la
sekarang nan sudah kedatangan bala
besi-besi dan kapas apiun Benggala
dari gedungnya tuan juga segala.

23. Lebih-lebih tuan empunya tahu
larang dan perintah sekarang dan dahulu
senjata peperangan lama dan baharu
bedil dan senapang ubat peluru.

24. Sekalian larangan yang dari Eropa
saya nan hingat belum terlupa
masuk keluar tak boleh baik pun siapa
tuan Polis menolong tidak mengapa.

25. Kata tuan Polis terus dan terang
senapang yang bersangku[4] sungguhlah dilarang
yang tidak bersangku permainannya orang
masakan boleh dibuat berperang.

26. Tuan-tuan sekalian tuan punya kenalan
bersama-sama datang dari negeri Engelan[5]
seduduk samakan bersahabat bertaulan
bukit dan gunung boleh ditelan.

Perpustakaan Negara

27. Kita sekalian hina dan leta
penolongnya tuan juga semata
dagangannya tuan yang amat nyata
sepatutnya tuan masuk-masuk berserta.

Hlm. 5

28. Mintalah surat barang sepucuk
pertuan di polis saya mau masuk
hendak naik bicara pada hari esok
suratnya tuan boleh saya unjuk.

29. Diberinya surat ke tangan Cina
katanya, "Bawalah ke polis sana,
siapa yang salah siapa yang kena
tuan-tuan di sanalah hukumnya sempurna."

30. Tersebutlah perkataan Nakhoda yang tadi
marah dan geram mangkin menjadi
letih lesu tulang dan sendi
menyesal menjualkan dagangannya tadi.

31. Duduk di perahu hati tak nyaman
naik ke darat memintakkan saman
beserta saksi dengan teman-teman
lakunya sebagai mabuk minuman.

32. Adatnya seari-ari waktu yang selama
jemedar berteriak menyebutkan nama
sekalian yang berdakwa baharu dan lama
naiklah ke polis bersama-sama.

33. Suratnya saudagar diunjukkan Cina
pertuan polis yang bijak laksana
dibaca-bacanya tahulah makna
mengerling masam lakunya kena.

34. Setelahlah rata dibacanya surat,
katanya, "Hai Cina terlalu keparat
mengapa janji lu maka melarat,
nanti kuhukum kudenda yang berat."

Hlm. 6

35. Kepada Nakhoda paling berkata
"Orang Cina ini salahnya nyata
tingkah lakunya berkata-kata
jahat sekali membuat dusta."

36. Tuan Polis berkata, "Dengan kerana Allah
tentulah Si Cina ini salah
banyak-banyak bicara tidak berfaedah
baiklah dipasung ditutup sudah.

37. "Tetapi Nakhoda kena beri belanja
ditutup dikurung tak boleh bersaja
sudah adatnya diperintahkan raja
bukannya kita berkata sengaja.

38. "Belanjanya itu kesemuanya sekali
Nakhoda kena beri sehari setali
apabila terbayar utang yang asli
belanjanya nakhoda dipulangkan kembali.

39. "Selamanya ditutup tak boleh terkhali
mengantarkan belanjanya sebulan sekali
kalau kurang dari adat yang terjali
piutang itu pun dilepaskan kembali.

40. Adatnya di negeri Singapura ini
begitulah sudah perintahnya Kompeni
sudah naik bicara sekali ini
tak boleh didakwa lagi di sini."

Perpustakaan Negara

41. Nakhoda mendengar perintah yang bahala[6]
mengisarkan tengkolok dari kepala
di dalam hatinya sebagaikan gila
jikalau begitu tuan sudahla!

Hlm. 7

42. "Janganlah ditutup diberi berseksa
ampunlah tuan salah dan dosa
kerananya saya tidak terkuasa
menantikan dia entah bila masa.

43. "Perintahnya tuan sudah saya yakin
masakan berani diperbuat main
kalau sudah tak dapat barang yang lain
biarlah saya mengambil kain-kain."

44. Tuan Polis pun suka akan-akan tertawa
katanya, "Selamatlah tidak kecewa
pergilah Nakhoda dengan Cina berdua
putuslah sudah bicara dan dakwa."

45. Didengar Cina berhati suka
tetapi dimasam-masamkan muka
Nakhoda yang sungguh berhati luka
dimanis-maniskan kelihatan di muka.

46. Turun dari Polis kembali pulang
letih lesu berhati walang
kehendaknya Cina sedikit tak kurang
sepanjang jalan bersungut sebarang.

47. Pandai sungguh Keling dan Cina
diputar dipusing kita juga kena
dagang-dagang yang datang dari mana-mana
jaranglah yang ada pulangnya sempurna.

48. Akan halnya kita Bugis dan Melayu
harapkan orang putih juga selalu
hukum bicaranya kelihatan terlalu
mulut disuap pantat disumbu.

Hlm. 8

49. Khabarnya orang putih adil bicara
mengukum memeriksa tidak bercidera
baharulah ini kita ketara
rupanya sekalian hukum pura-pura.

50. Demikianlah adanya perintah dan kuasa
di negeri Singapura empunya temasa
sekalian orang-orang yang belum biasa
berdagang di sini bolehlah merasa.

51. Suatu pulak hamba pesankan
sekaliannya berdagang hamba nyatakan
baik pun di perahu baik pun di pekan
janganlah dahulu barang diberikan.

52. Darihalnya dagangan yang ada semata
hartanya orang putih sesungguhnya nyata
Keling dan Cina jarang yang berharta
melainkan menyambut juga semata.

53. Darihal orang hitam yang sekalian ketara
berkedai bertoko di Singapura
seperti kain-kain apiun dan sutera
saudagar orang putih empunya bicara.

54. Cina dan Keling dia orang sekaliannya
segala dagangan bukannya hartanya
saudagar orang putih juga yang punyanya
sebarang jenis semata-matanya.

Perpustakaan Negara

55. Dagangan dari perahu Bugis dan Melayu
Cina dan Keling membelinya laju
kepada orang putih diserahkan selalu
demikianlah halnya jangan tak tahu.

Hlm. 9

56. Apabila datang sesuatu bicara
kepada orang putih tempatnya berkira
pandai dan bijak tidak bertara
sebarang yang ditolong jaranglah bercidera.

TAMAT

Perpustakaan Negara

Ini Syair Potong Gaji
Dikarang oleh Tu(a)n[1] Simi

Hlm. 12

1. Bahawa ini suatu khabar
yang sangat sekali susah dan sukar
Gurnor Jineral[2] raja yang besar
perintahnya sekarang jauh bertukar.

2. Yang Dipertuan Besar negeri Benggala
yang terlebih mulianya dari segala
beberapa taklukan rakyat dan bala
berkuasa di tanah India segala.

3. Berhormat dan kudrat yang tidak bertara
memunyai perintah hukum dan bicara
memeliharakan negeri tak pernah bercendera
termasyhur namanya sekalian ketara.

4. Mendatangkan perintah dari Benggala
di atas kita sekalian segala
selaku api yang amat menyala
membakarkan hati tidak berkala.

5. Hangusnya terasa ke hati dan jantung
luluh sebagai dadak[3] dan tepung
sesak menyucuk tidak tertanggung
masing-masing hairan duduk melengung.

6. Seumpama ribut taufan yang menyala
kilat dan petir bersama segala
meniup kapal-kapal perahu-perahu segala
berhanyutan tiada ketahuan hala.

7. Kebanyakan yang patah kemudi dan dayung
temberang dan bubutnya bagai dirancang
Hlm. 13 tali kelat putus tidak tersambung
hanya yang tinggal topang dan agung.

8. Oh kasihannya sekali sungguh
melaratlah sudah perahu terlabuh
tidaklah lagi boleh berteduh
perasaan di hati sangatlah jauh.

9. Beberapa orang sebagai pulak
mengeluh menangis seperti budak
tumpat sekali fikir dan kehendak
selaku perempuan lakinya talak.

10. Bertongkat dagu menyebutkan Allah
Kompeni pun pandai membuat olah
beberapa lama bekerja berAllah[4]
merosakkan kami tidak bersalah.

11. Difikir dikenang bertambah rayu
bagaikan sunyi rasanya kalbu
sifat yang jernih kelihatan layu
Allah dan Rasul juga yang tahu.

12. Diam di rumah bertambah bising
ke sana ke mari pergi berunding
bicara muafakat berjalan keliling
mendinginkan hati melipurkan runsing.

13. Hairan sekali semangat melayang
orang besar nan tidak fikir dan timbang
emas dihargakan sebagai loyang
hati siapa tidakkan bergoyang.

14. Yang memakan segantang diberinya sejemput
dahulunya beras sekarang melukut
Hlm. 14 tercenganglah masing-masing beberapa tekejut
tidaklah tercela dari sebabnya takut.

15. Gaji pun dipotong kerja-kerja ditambah
tempat pekerjaan ditukar dipindah
di manakah hati sekalian tak gundah
kerja yang bertiga seorang sudah.

16. Selamanya didukung sekarang diletak
penganan dari tangannya kanak-kanak disentak
berkaparanlah jatuh ke tanah terhentak
hilanglah budi bicaranya budak.

17. Beberapa orang masam dan suram
berhanyutan sebagai perahu yang karam
habislah sudah nasi dan garam
sedikit pun tidak ketinggalan haram.

18. Sampai hatinya sungguh perintah sekarang
memberi kecewa pada sekaliannya orang
berlainan sekali dahulu dan sekarang
susahnya bukan lagi sebarang-barang.

19. Tidak sekali menaru(h)[5] kasihan
di atas kami orang-orang sekalian
sedap dahulu sakitlah kemudian
untung dan nasib sudahlah sekian.

20. Terendanglah kami tidak berminyak
dengan air terbakar, dengan angin tertanak
hati dan jantung sangatlah senak
pendapatan seperti utan dan semak.

21. Sakitnya sungguh bukan sebarang
terlanggarlah sudah perahu di karang
Hlm.15 terbanyaklah burung tidak bersarang
demikianlah halnya kami orang sekarang.

22. Peraturan dan perintah yang dari Kompeni
hendak dimukir masakan berani
jangankan pulak setara ini
jika lebih pun kami jalani.

23. Bagiannya rakyat tiap-tiap negeri
di manakan boleh takut dan ngeri
tak dapat di darat di laut mencari
sebarang lakunya memeliharakan diri.

24. Rendah gunung tertinggi harapan
kepada Kompeni bangsa pilihan
laksana sepohon tempat teduhan
menaungi kami dari panasan.

25. Selaku sebuah telaganya batu
berair jernih bukan suatu
lazatnya manis sempurna tertentu
sekaliannya bangsa minum di situ.

26. Tiap-tiap yang minum air pancuran
sekarang ini sudahlah kepiaran[6]
sangatlah menanggung masyghul dan hairan
tumpat dan sesak rasa fikiran.

27. Jadilah ramai-ramai persembahkan surat
menyatakan perihal jalannya melarat
memohonkan ampun yang amat berat
lebih-lebih maklum ke bawah kudrat.

28. Kalau-kalau lulus ampun yang demikian
gaji matilah dipohonkan kasihan
Hlm. 16 kepada tiap-tiap hambamu sekalian
dengan sepatutnya seorang sekian.

29. Akan halnya sekalian yang hadir Bangkahulu
belas dan kasihan sangatlah terlalu
memohonkan kurnia ke atas ulu
minta janganlah direntikan selalu.

30. Dari Bangkahulu payahnya nyata
berpinda[7] ke mari anak bini pun berserta
mentua dan ipar-ipar jangan dikata
sertalah adanya di dalam cita.

31. Ditimbang difikir berulang-ulang
sepertikan kembali ke negerinya pulang
begitu begini serba kepalang
nyawa dan badan rasakan hilang.

32. Perasaan hati sangatlah rendah
kebajikan dibuat tidak berfaedah
beberapa lamanya bekerja sudah
harganya dinilai setimbang ludah.

33. Kita seumpama rumput melata
daun kayu yang kering yang amat nyata
orang besar dan raja-raja yang ada mahkota
itu pun kebanyakan kehilangan takhta.

34. Permintaan badan di dalam dunia
tiap bangsa hina dan mulia
di manakan boleh mengelakkan dia
menyusahkan hati kita nan sia-sia.

35. Hai Singapura tempat maulana
yang telah termasyhur ke mana-ke mana
Hlm. 17 ramai dan makmur dengan sempurna
berakal berbudi bijak laksana.

36. Ketahuilah olehmu di dalam sekarang
kesusahan yang datang atas kami orang
sakitnya bukan-bukan lagi sebarang
bertandan bertambah sedikit tak kurang.

37. Kepada yang patut kami mengadu
permaklumkan perihal hati yang sedu
kita laksana buburnya madu
sebarang yang dapat datang menyudu.

38. Tamatlah sudah karang disyair
supaya diketahui oleh yang akhir
batin dipindah pada yang zahir
sekalian yang membaca boleh memikir.

TAMAT

Ini Syair Tenku Perabu[1]
Di Negeri Singapura Adanya

Hlm. 18

1. Dengarkan karangan suatu cerita
kisahnya sultan raja yang nyata
seisi negeri ramai menista
terlalulah rayu sekaliannya kita.

2. Di dalam sihat selamat sentosa
ditakdirkan Allah Tuhan yang kuasa
adalah kepada suatu masa
isteri baginda berbuat termasa.[2]

3. Bernama bergelar Tenku Perabu
beranak bersaudara harta beribu
bagaimanalah sekalian hati tak sendu
uri yang jati menjadi habu.

4. Lakunya laksana air yang hening
sedap dan manis tidak berbanding
seduduk dengan peranakan Keling
ditertawakan orang rata keliling.

5. Tiada bermula mencari sabit
sekonyong-konyong mendapatkan penyakit
jalan yang raya menjadi sempit
sekalian manusia ramai membangkit.

6. Di dalam kenangan tidak berputus
segala raja-raja utus-mengutus
bergaji sebulan tiga belas ratus
habis terjahanam bagai dihembus.

7. Dari halnya sultan raja yang asli
gagap dan buta lalai dan tuli
beberapa disembahkan ke bawah duli
sedikit pun tidak baginda peduli.

8. Dari sehari ke sehari bertambah ramai
banyak yang mabuk lebih yang mamai
isteri baginda perempuan yang permai
kucing dan tikus boleh didamai.

Hlm. 19

9. Menurutkan kehendak bicaranya isteri
jadilah baginda meninggalkan negeri
membawa putera rumaja[3] puteri
diumpati orang kanan dan kiri.

10. Demikianlah adanya lebih dan kurang
menurutkan seperti perkhabarannya orang
kelakuannya Tenku Perabu gelap dan terang
dari mula pertama sampai sekarang.

11. Mula-mulanya ora(ng)[4] menampalkan pelekat
di pintu kota konon dilekat
Tenku Perabu dengan Tambi duduk berdekat
dilihat orang suatu tempat.

12. Gemparlah sekalian hamba dan sahaya
setengah orang tidak percaya
sampailah kepada miskin dan kaya
banyak yang melihat mengatakan ia.

13. Hatta beberapa dianui Keling
Tenku Perabu berasa empat bulan bunting
segera dipanggil bidan yang asing
masuk ke bilik pintu dikancing.

14. Disuruh buangkan anak celaka
ditanamkan di bawah pohon cempaka
dibuangkan itu Tambi tak suka
Tenku Perabu digocoh kena di muka.

15. Tenku Perabu pun sakit pura-pura merajuk
duduk di kebun berubat berpupuk
mengatakan dirinya di kayu terhantuk
Tambi pun selalu ke situ masuk.

16. Adalah kepada suatu hari
Raja Katijah pulak kendiri
dilihat-lihatnya laku dan peri
Tenku Perabu dengan Tambi rupanya mencuri.

Hlm. 20

17. Lalulah dipanggilnya Encik Hitam sepakat
beserta datang duduk berdekat
"Khabarlah lekas-lekas aku tak sempat
Tenku Perabu dengan Tambi adake engkau dapat.

18. Encik Hitam berkhabar bertalu-talu
di atas peti beras patik lihat selalu
di selasar di bilik patik lalu-lalu
Tenku Perabu dengan Tambi sedikit tak malu.

19. Raja Katijah tidak tertahan sabar
pada Tenku Perabu segera dikhabar
Tenku Perabu mendengar hati berdebar
rahsia yang sunyi sudahlah gempar.

20. Raja Katijah berfikir sangatlah marah
dipukulnya dengan senduk Encik Hitam berdarah
minyak di kuali hendak dicurah
Encik Hitam pun lari di kening berdarah.

21. Tenku Perabu pun datang Encik Hitam disambut
sambil bertanya, "Mengapakah kalut?
Katijah jangan berbanyak mulut
nyahlah dari sini barang-barang
engkau hangkut!"

22. Raja Katijah berkata sambil menjerit
"Pantat siapa yang koyak rabit
dianui Keling tidak bersabit
orang nan pulak disuruhnya terbit?"

23. Keluarlah ia ke Riau selalu
seisi istana aib dan malu
di Riau pun dikhabarkan sekarang dan dahulu
tidaklah dilindungkan barang sebulu.

24. Tenku Perabu dengan Tambi bertukar pakai
cincin permata kain dan rantai
seisi istana ramai mengintai
siapa menegur disuruhnya bantai.

Hlm. 21

25. Tenku Jalil pun mendengar berasa malu
hatinya geram bukan terlalu
diintai-intainya hendak dipalu
di dalam begitu Tenku Perabu pun tahu.

26. Lalulah disembahkan pada Yang Dipertuan
mengatakan Tenku Jalil jahat kelakuan
ke sana ke mari mengusiki perempuan
patik mendengar sangatlah maluan.

27. "Tuanku suruhlah ke Pahang sana
belajar adat supaya sempurna
duduk di sini apatah guna
tingkah lakunya suatu tak kena."

28. Tuanku mendengar sembah yang demikian
di hati baginda sangatlah kasihan
putera nan besar sudahlah sekian
berasalah malu pada orang sekalian.

29. Dititahkanlah ke Pahang bersegera-segera
dengan Tenku Perabu empunya bicara
dari halnya tuanku tidaklah kira
dirinya baginda kedatangan cidera.

30. Disuruhnya panggil Tenku Jalil pun datang
duduk menyembah baginda menentang
titah baginda, "Aku berpantang
janganlah engkau ke mari datang."

31. "Pergilah ke Pahang sedikit hari
pengertian yang baik boleh engkau cari
mak engkau di Pahang tahu mengajari
sudah engkau dapat baliklah ke mari."

32. Tenku Jalil pun bermohon keluar lekas-lekas
lebih dan kurang menyimpankan pekakas
tidaklah lagi mengadap ke atas
dua tiga hari berlayarlah lantas.

Hlm. 22 33. Encik Abu, Tenku Yahya pulak ketara
Tenku Perabu dengan Tambi lain bicara
bersungut berkata marah gembira
masuk keluar jaga pelihara.

34. Tenku Perabu dengan Tambi tidak perduli
disuruhnya ambil mata-mata Benggali
sekalian Melayu-Melayu dihalaunya sekali
Tenku Yahya, Encik Abu bersama sekali.

35. Masing-masing pun diam berhati gundah
sambil memaki menyumpah meludah
ke sana ke mari tunduk tengadah
malu dan aib habislah sudah.

36. Seisi Singapura mulut ternganga
Encik Abu, Tenku Yahya bising telinga
mendapatkan Engku Cik di Teluk Belanga
katanya datang persembahkan bunga.

37. Lalu dikhabarkan sematanya sekalian
kejahatan Tenku Perabu sudahlah sekian
dengan Keling Tambi tidak pilihan
memandang Yang di-Pertuan sangatlah kasihan.

38. Engku Cik mendengar hati berdebar
nyatalah sudah Encik Abu berkhabar
sepertikan tidak tertahan sabar
katanya, "Diamlah, jangan tergempar."

39. "Sakit sungguh rasanya hati
Keling itu hendak kubunuh mati"
mengumpulkan kawan-kawan yang sama sehati
ke Singapura tidak menanti.

40. Di jalan berfikir berani dan takut
perintahan Inggeris jadi tersangkut
kalau-kalau digantungnya sakitlah perut
menyimpang lantas masuk ke rumah *court*.[5]

Hlm. 23 41. Kepada orang besar kesemuanya dikhabar
hendak menangkap Keling yang makar
kata orang besar "Baiklah sabar,
kalaukan menjadi susah dan sukar.

42. Panggillah Tambi itu ke mari."
Sampai di istana tenku tak beri
baginda pun lalu berangkatkan kendiri
Melayu-Melayu di kota bersembunyi lari.

43. Tenku bersabda beberapa gagap
orang besar di kota dilawannya bercakap
Tenku Perabu dengan Tambi di istana berdakap
Engku Cik pun datang hendak menangkap.

44. Segera dihalaunya oleh Tenku Perabu
katanya, "Mengapa sekalian tak malu?"
Masuk ke kota bertalu-talu
orangnya Engku Cik lari berdahulu.

45. Halnya Yang Dipertuan di kota nan tadi
beberapa bicara suatu tak menjadi
lalulah berangkat ke istana kembali
lantaslah masuk ke peraduan sekali.

46. Tenku Perabu dengan Tambi keduanya berfikir
janji-berjanji tidaklah mungkir
jikalau begini jalannya akhir
tidakkan lepas daripadanya takdir.

47. Tambi berkata badannya gementar
jika demikian mati kesasar
kesalahan ini patik pun sedar
baiklah patik Tenku nan hantar.

48. Tenku Perabu memandang sangatlah kena
fikiran Tambi sangat sempurna
bolehlah terluput daripada bencana
Tambi dipakaikan cara betina.

Hlm. 24 49. Lantas dimasukkan ke dalam kereta
Tenku Perabu anaknya tuanku pun serta
hari pun petang kuranglah nyata
ke jambatan besar dibawanya kereta.

50. Tambi pun segera turun ke sampan
di Teluk Air konon disimpan
ringgit dibekali pembeli ayapan
supaya terlepas malu dan sopan.

51. Bersembunyi di rumah Keling seorang
menantikan perahu tempahan orang
di situlah Tambi surat dikarang
beberapa umanat pesan-pesan yang terang.

"Maka jadilah patik berlayar pada esok. Inilah patik meninggal umanat supaya malu aib tertudung dan lagi adatnya raja-raja besar titahnya dikotakannya atas jalan aib beraib pada segala khalayak dan sampai kepada lain-lain negeri. Maka hendaklah berangkat, katakan hendak mengiburkan hati, lalu ke Melaka. Diam di rumah Garlin barang tiga hari. Sudah sampai bagi hajat, Tenku baliklah nanti. Baik atas segala fasal dengan segera. Buatan ini diperbuat hingga belum datang bicara lain-lain kerana dekat raja-raja maulah seorang yang akal lagi bangsawan dengan baik kelakuan mau jaga. Jikalau miskin pun, hati nanti senang. Jika kurang daripada itu nescaya susah serta malu, aib pun boleh. Inilah macamnya, melainkan janganlah khuatir jika lain daripada surat perjanjian di tangannya.

Tenku bolehlah susah adanya dan lagi Tenku,

pesan kepada Salam jangan dia berkhabar kerana jenis-jenis hal Tenku dengan patik ada khabar di luar. Dan lagi di belakang patik, barang suatu hendaklah berikhtiar. Tanyalah si Jib[6] ini kerana habislah jalan sudah.

